# HSBC Amanah Malaysia Berhad
# ("HSBC Amanah")
# Terma-terma & Syarat-syarat Universal
(Edisi Oktober 2020)

**Tarikh berkuatkuasa:**
- 19 Oktober 2020

**Terma-terma & Syarat-syarat Universal ini mengandungi:**
- Terma-terma & Syarat-syarat Generik (terpakai kepada setiap akaun/produk/perkhidmatan (termasuk kemudahan-kemudahan perbankan & pembiayaan) yang dibuka degan atau disediakan oleh HSBC Amanah);
- Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk HSBC Amanah Premier dan HSBC Amanah Advance;
- Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi; dan
- Perjanjian Pemegang Kad untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah boleh didapati di laman web Bank di http://www.hsbcamanah.com.my/card_TC

Terma-terma & Syarat-syarat Universal ini adalah sedia ada atas permintaan dan boleh didapati di laman web HSBC Amanah di www.hsbcamanah.com.my.

Sila luangkan masa untuk membaca mereka kerana mereka adalah terikat ke atas anda.

Sila menghubungi cawangan HSBC Amanah yang terdekat kepada anda jika anda memerlukan apa-apa penjelasan.

Terima kasih kerana berbankan dengan HSBC Amanah.

# Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Oktober 2020)

Terma-terma dan Syarat-syarat Generik ini (terpakai ke atas semua akaun/produk/perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perbankan & pembiayaan) yang dibuka dengan atau diberikan oleh HSBC Amanah) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai ke atas akaun/produk/ perkhidmatan yang relevan yang dibuka dengan atau diberikan oleh HSBC Amanah dan Terma-Terma & Syarat- syarat HSBC Amanah Perbankan Internet Peribadi sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

## Umum

HSBC Amanah akan mematuhi tugas pengawalseliaan kepada pelanggan kami pada setiap masa apabila menyediakan, menyelenggara dan menarik balik produk, keluar dari hubungan pelanggan, menyokong pelanggan, mengurus pelaburan pelanggan, mentadbir aset hak jagaan / wang klien dan mengendalikan aduan. Kami akan berusaha untuk mencapai hasil yang adil untuk pelanggan kami dalam semua urusan kami dengan pelanggan kami

## Penyata-penyata Akaun-i

1. (i) Di mana penyata-penyata akaun adalah terpakai, mereka akan dihantar secara bulanan atau, dalam selang masa lain yang diarahkan oleh Pelanggan atau sepertimana yang dinyatakan di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau dokumen-dokumen yang berkenaan dengan akaun.

   Pelanggan bersetuju untuk secara segera menyemak dan mendamaikan kandungan setiap penyata akaun dan rekod transaksi daripada Bank dengan rekod-rekod Pelanggan sendiri untuk mengesan samada wujudnya apa-apa kesilapan, peninggalan, ketidak-samaan atau ketidakaturan termasuk apa-apa kesilapan yang timbul daripada transaksi penipuan atau tanpa kebenaran (dirujuk secara kolektif sebagai “**Ketidakaturan-ketidakaturan**”).

   Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank apa-apa Ketidakaturan-ketidakaturan, dengan seberapa segera yang praktik dan dalam apa jua keadaan **dalam masa 60 hari dari tarikh penyata akaun**. Sekiranya notis diterima oleh Bank selepas tempoh ini, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas Kerugian akibat daripada penangguhan oleh Pelanggan dalam memberikan notis.

   (ii) Pelanggan bersetuju bahawa jika Pelanggan tidak mendaftar: (a) untuk penyata-penyata melalui email, atau memberi Bank apa-apa alamat email; dan/atau (b) tidak mendaftar untuk penyata-E melalui perbankan internet peribadi, atau sebagai pengguna perbankan internet peribadi, penyata akaun akan di hantar melalui penyata kertas dalam salinan keras ke alamat terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank dan fi (seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di https://www.hsbcamanah.com.my/content/dam/hsbc/hbms/documents/tariffs-and-charges.pdf akan dikenakan bagi setiap penyata akaun yang dikeluarkan

## Pencantuman & Penolakan

2. Jika Pelanggan mempunyai apa-apa wang (dalam kapasiti tunggal Pelanggan atau bersama dengan yang lain) yang perlu dibayar dan perlu dibayar kepada Bank ("Jumlah Tertunggak") dan Pelanggan telah gagal menyelesaikan Jumlah Tertunggak selepas permintaan Bank, Pelanggan bersetuju bahawa Bank hendaklah mempunyai hak untuk melindungi kepentingannya dengan melakukan berikut:

   (i) mencantumkan baki-baki kredit (termasuk dalam pelbagai matawang) di dalam semua akaun-akaun Pelanggan dengan Bank

   (ii) menahan satu jumlah daripada baki-baki kredit yang mana Bank menganggar dengan sucihati adalah mencukupi, (termasuk apa-apa hibah terakru atau caj-caj lain);

   (iii) selepas tamatnya 7 hari notis terdahulu kepada Pelanggan, menggunakan baki-baki kredit tersebut untuk Jumlah Tertunggak; dan

   (iv) baki-baki kredit yang masih ada, jika ada, hendaklah dipegang atas terma-terma yang secara substantialnya adalah serupa seperti yang terpakai sebelum pencantuman atau atas terma-terma lain yang difikirkan sesuai secara munasabah oleh Bank di dalam keadaan tersebut.

   Hak-hak dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Bank di bawah Fasal-fasal ini tidak akan dijejas oleh kematian, kebankrapan, insolvensi, komposisi dengan pemiutang-pemiutang lain atau apa-apa prosiding undang-undang terhadap Pelanggan.

## Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan

3. (i) Pelanggan bersetuju untuk secara segera memberitahu Bank mengenai apa-apa penukaran dalam alamat, nombor telefon, nombor telefon bimbit, dan/atau alamat e-mel Pelanggan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank. Sementara menunggu penerimaan notis-notis tersebut, Bank hendaklah menghantar kesemua komunikasi ke alamat terakhir, alamat email dan/atau nombor yang dinyatakan di dalam rekod- rekod Bank

   (ii) Pelanggan bersetuju bahawa akaun Pelanggan tidak digunakan untuk tujuan lain selain untuk kegunaan peribadi.

   (iii) Apa-apa pertukaran dalam pengenalan Pelanggan (dan Anak bagi akaun kanak-kanak) haruslah dimaklumkan kepada Bank dengan dokumen sokongan.

## Akaun-akaun Bersama

4. Bagi satu akaun yang dibuka dan dikendalikan dalam lebih daripada satu nama:

(i) liabiliti-liabiliti dan obligasi-obligasi setiap Pelanggan adalah bersesama dan berasingan dan notis kepada seorang Pelanggan hendaklah dianggap sebagai notis kepada semua;

(ii) perkataan yang menunjukkan bilangan tunggal di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini hendaklah dibaca sebagai meliputi bilangan jamak dan sebaliknya, dan rujukan kepada "tandatangan Pelanggan" hendaklah dibaca sebagai meliputi setiap tandatangan Pelanggan;

(iii) seseorang Pelanggan hendaklah terus terikat oleh Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini walaupun Pelanggan-pelanggan lain sebenarnya adalah tidak terikat;

(iv) Bank mempunyai hak untuk berurusan dengan setiap Pelanggan secara berasingan mengenai apa-apa perkara termasuk melepaskan apa-apa liabiliti-liabiliti kepada apa jua tahap tanpa menjejaskan liabilti-liabiliti Pelanggan-pelanggan lain;

(v) kesemua Pelanggan adalah bertanggunjawab secara bersesama dan berasingan untuk penggunaan nombor pengenalan peribadi (PIN), peranti keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih atau Kad walaupun ianya dipohon oleh seorang Pelanggan sahaja;

(vi) jika berlakunya kematian mana-mana Pelanggan, Bank hendaklah memegang baki-baki kredit di dalam akaun atas arahan tunggal daripada mereka yang masih hidup atau terselamat tertakluk kepada hak atau tuntutan terdahulu Bank, dan bayaran kepada mereka yang masih hidup atau terselamat merupakan perlepasan tanggungan yang sempurna ke atas Bank;

(vii) jika mana-mana Pelanggan menarik balik mandat beliau untuk Pelanggan-pelanggan lain untuk mengendalikan akaun bersama, Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan-pelanggan akibat daripada menahan akaun bersama sementara menunggu arahan bertulis bersama daripada kesemua pemegang-pemegang akaun bersama; dan

(viii) operasi atau penutupan akaun bersama hendaklah tertakluk kepada arahan atau kebenaran yang diberikan oleh mana-mana satu Pelanggan yang mana akan mengikat semua pelanggan, dan amaun yang mesti di bayar kepada atau dikutip bagi mana-mana satu Pelanggan boleh dikreditkan ke akaun bersama.

## Akaun Korporat/Liabiliti Terhad Perkongsian/Perkongsian Konvensional

5. Tidak berkenaan.

## Tandatangan Spesimen Penandatangan yang diberikuasa

6. Pelanggan hendaklah membekalkan kepada Bank nama-nama dan spesimen-spesimen tandatangan daripada kesemua penandatangan-penandatangan yang diberikuasa pada kad spesimen tandatangan Bank. Di dalam keadaan di mana wujudnya penukaran ke atas spesimen tandatangan dan/atau penandatangan-penandatangan yang diberikuasa, Pelanggan bersetuju untuk secara segera memberitahu Bank secara bertulis Pelanggan mengakui bahawa penukaran tersebut hendaklah berkuatkuasa selepas Bank mengesah secara bertulis bahawa rekod-rekodnya telah dikemaskinikan.

Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak cek-cek, arahan-arahan dan komunikasi- komunikasi dengan tandatangan-tandatangan yang tidak sepadan dengan spesimen tandatangan-tandatangan di dalam rekod Bank, tetapi Bank juga mempunyai hak untuk bertindak ke atasnya jika Bank mempunyai dasar- dasar yang munasabah untuk mempercayai bahawa ianya sebenarnya dari Pelanggan.

## Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat

7.1 Di mana terdapatnya produk-produk baru atau perkhidmatan-perkhidmatan-perkhidmatan atau perubahan-perubahan operasi, atau pentadbiran atau pengawalseliaan yang perlu dimaklumkan kepada Pelanggan, Terma-terma & Syarat-syarat Generik, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik dan mana-mana produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan Bank (termasuk ciri-cirinya dan had-hadnya) boleh dipinda atau ditambah melalui notis terdahulu yang munasabah yang diberikan kepada Pelanggan di laman web internet Bank dan sebagai tambahan melalui cara-cara berikut:

(i) notis di dalam penyata akaun;

(ii) notis pada mesin-mesin pengeluaran wang automatik (ATM), terminal-terminal pemindahan wang elektronik jualan (EFTPOS) atau terminal-terminal elektronik lain;

(iii) Notis di mana-mana cawangan Bank;

(iv) dengan menghantar satu notis ke alamat fizikal terkini yang disimpan dalam rekod-rekod Bank

(v) notis melalui e-mel atau mesej elektronik yang hendaklah dianggap telah diterima pada masa penghantaran; atau

(vi) melalui cara-cara lain yang Bank menganggap dengan munasabah adalah sesuai.

7.2 Pindaan-pindaan atau tambahan-tambahan yang:

i) mengenakan atau meningkatkan fi-fi atau caj-caj;

ii) meningkatkan liabiliti Pelanggan;

iii) mengubahsuaikan had-had transaksi kad ATM untuk pemindahan-pemindahan dana elektronik melalui ATM, kemudahan-kemudahan deposit tunai automatic dan/atau pemindahan-pemindahan telegrafik, atau;

iv) mengurangkan hak-hak Pelanggan;

hendaklah berkuatkuasa 21 hari selepas notis bertulis diberikan kepada Pelanggan.

7.3 Pelanggan hendaklah dianggap telah menerima pindaan(-pindaan) atau tambahan(-tambahan), kecuali Pelanggan membantah atau sebaliknya mengambil langkah-langkah positif untuk menutup akaun atau menamatkan perkhidmatan sebelum perubahan-perubahan menjadi berkesan. Pelanggan adalah terus bertanggungjawab untuk kesemua transaksi sebelum penutupan atau penamatan.

## Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan

8. Terma-terma dalam Fasal ini hendaklah berterusan digunapakai walaupun selepas Bank menghentikan pemberian mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan kepada Pelanggan. *(Sila rujuk kepada Fasal 42 untuk definisi-definisi yang berkaitan dengan Fasal ini).*

(i) Pelanggan mengakui bahawa pemegangan akaun dan penggunaan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan bidangkuasa berkaitan yang lain, dan kepada pihak berkuasa penyeliaan Bank Negara Malaysia dan Pihak-pihak Berkuasa berkaitan yang lain di Malaysia dan bidangkuasa berkaitan lain.

Bank dan ahli Kumpulan HSBC adalah dikehendaki, dan boleh mengambil apa-apa tindakan untuk mematuhi Pematuhan Obligasi berkenaan dengan atau berkaitan dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan Jenayah Kewangan (Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan). Tindakan tersebut mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (1) menapis, memintas dan menyiasat apa-apa arahan, komunikasi, permintaan pengeluaran, permohonan untuk mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan, atau apa-apa pembayaran yang dihantar kepada atau oleh Pelanggan, atau bagi pihak Pelanggan, (2) menyiasat sumber atau penerima dana yang dicadangkan (3) menggabungkan Maklumat Pelanggan dengan maklumat berkaitan yang lain yang dimiliki oleh Kumpulan HSBC, dan/ atau (4) membuat pertanyaan lanjut mengenai status seseorang atau sesebuah entiti, sama ada mereka tertakluk kepada suatu rejim sekatan, atau mengesahkan identiti dan status Pelanggan.

(ii) Istimewanya/Luar biasanya, Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut boleh menyebabkan Bank melambatkan, menyekat atau enggan membuat atau menyelesaikan apa-apa pembayaran, pemprosesan arahan Pelanggan atau permohonan untuk mana-mana akaun, produk dan/ atau perkhidmatan atau pemberian semua atau sebahagian dari mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, baik Bank mahupun mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa kerugian (walaubagaimana sekalipun ia timbul) yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau pihak ketiga, menyebabkan secara keseluruhan atau sebahagian yang berkaitan dengan akujanji oleh Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut.

(iii) Dalam keadaan tertentu, Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut boleh menghalang atau menyebabkan kelengahan dalam pemprosesan maklumat tertentu. Oleh itu, baik Bank mahupun mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak memberi jaminan bahawa apa-apa maklumat dalam system Bank berkenaan dengan apa-apa mesej pembayaran atau maklumat dan komunikasi lain yang menjadi subjek kepada apa-apa tindakan yang diambil menurut Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan tersebut adalah tepat, semasa atau terkini pada masa ianya diakses, ketika tindakan sedemikian diambil.

(iv) Jika Bank atau ahli Kumpulan HSBC mempunyai syak wasangka berkenaan Jenayah Kewangan atau risiko yang berkaitan, Bank boleh:

(a) tidak dapat menyediakan yang baru, atau terus menyediakan semua atau sebahagian akaun, produk dan/atau perkhidmatan kepada Pelanggan dan berhak untuk menamatkan hubungan perbankan dengan Pelanggan;

(b) mengambil tindakan yang perlu untuk Bank atau ahli Kumpulan HSBC untuk mematuhi Pematuhan Obligasi; dan/atau

(c) menutup akaun(-akaun) Pelanggan.

## Penggantungan/Penutupan Akaun

9. Pelanggan mengakui bahawa Bank mempunyai budibicara untuk:

(i) tidak melaksanakan apa-apa arahan atau menggantungkan penggunaan akaun dengan memberikan notis kepada Pelanggan:

(a) di mana Bank meragui kesahihan arahan atau akaun dan dengan niat baik menganggap ianya sesuai untuk berbuat demikian; atau

(b) sekiranya berlaku apa-apa pertikaian di antara pemegang bersama akaun bersama atau penandatangan-penandatangan yang diberikuasa atau Bank menerima arahan-arahan bertentangan daripada orang-orang sedemikian, atau

(c) jika Pelanggan berulang kali gagal untuk membayar amaun-amaun yang terhutang kepada Bank; atau

(d) jika Pelanggan gagal memberikan maklumat yang mencukupi berkaitan dengan sebarang arahan pembayaran (termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pembayaran) atau

(e) jika Pelanggan gagal memberikan Maklumat Pelanggan dengan segera yang Bank dengan munasabah meminta untuk pematuhan cukai; atau

(f) terdapat perubahan kepada perniagaan, operasi, teknologi atau kemudahan Bank yang memberi kesan kepada Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank; atau

(g) terdapat perubahan dalam undang-undang atau peraturan atau garis panduan industri baru atau kod amalan yang memberi kesan kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank; atau

(h) dalam melaksanakan hak-hak Bank di bawah Fasal 8 (Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan), Fasal

10 (iv) (Koleksi, Pemprosesan dan Perkongsian Maklumat Pelanggan) dan Fasal 13 (Kenali Pelanggan Anda.

(ii) Pelanggan juga mengakui bahawa Bank mempunyai budi bicara untuk menutup satu akaun dengan memberi Pelanggan notis bertulis selama 2 minggu di alamat atau alamat e-mel Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod-rekod Bank.

(iii) Notis boleh diberikan melalui:

(a) penghantaran kendiri di mana dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; atau

(b) pengeposan biasa/berdaftar (sama ada AR atau bukan AR berdaftar) atau kurier di maan hendaklah dianggap sebagai diterima pada hari ketiga selepas pengeposan atau pada hari ketiga selepas dihantar kepada pembekal perkhidmatan kurier, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau

(c) e-mel di mana hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa terdapat keadaan di mana Bank tidak dapat memberikan alasan-alasannya bagi melaksanakan budibicaranya untuk menggantungkan atau menutup akaun disebabkan oleh sekatan undang-undang dan / atau peraturan.

(v) Melainkan jika akaun dikenakan kepada Bank, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menutup akaun dengan notis secara bertulis kepada Bank.

## Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan

10. Terma-terma dalam Fasal ini hendaklah terus terpakai walaupun selepas Bank berhenti untuk menyediakan apa-apa akaun, produk dan/atau Perkhidmatan kepada Pelanggan. *(Sila rujuk Fasal 42 untuk definisi-definisi yang berkaitan dengan Fasal ini)*.

(i) Maklumat Pelanggan akan diproses, dipindah dan didedahkan oleh Bank dan/atau ahli Kumpulan HSBC berkaitan dengan tujuan-tujuan berikut ("Tujuan-tujuan") seperti yang dinyatakan dalam Notis kepada Pelanggan mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Notis PDPA") yang boleh didapati di www.hsbcamanah.com.my.

(ii) Dengan menggunakan mana-mana akaun, produk dan/atau Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh sebagaimana yang perlu dan sesuai untuk Tujuan- tujuan, memproses, **<u>memindahkan dan mendedahkan apa-apa Maklumat Pelanggan kepada penerima ("Penerima") seperti yang tertera dalam Notis PDPA (yang juga boleh kemudiannya memproses, memindah dan mendedahkan Maklumat Pelanggan tersebut untuk Tujuan-tujuan</u>**

(iii) Pelanggan tersebut bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan segera, dan dalam sebarang keadaan, dalam tempoh 30 hari secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan kepada Maklumat Pelanggan yang dibekalkan kepada pihak Bank dari semasa ke semasa, dan untuk bertindak dengan segera terhadap sebarang permintaan daripada Bank.

(vii) Jika:

(a) Pelanggan tersebut gagal untuk segera memberikan Maklumat Pelanggan yang diminta oleh Bank secara munasabah; atau

(b) Pelanggan tersebut menahan atau menarik balik apa-apa kebenaran yang Bank mungkin perlu untuk memproses, memindah atau mendedahkan Maklumat Pelanggan untuk Tujuan tersebut (kecuali untuk tujuan yang berkaitan dengan pemasaran atau mempromosikan produk dan Perkhidmatan kepada Pelanggan); atau

(c) Bank atau ahli Kumpulan HSBC mempunyai syak wasangka mengenai Jenayah Kewangan atau risiko yang berkaitan; Bank boleh:

(1) tidak dapat menyediakan, atau terus memberikan keseluruhan atau sebahagian, akaun, produk dan/atau Perkhidmatan yang baru kepada Pelanggan dan berhak untuk menamatkan hubungan perbankan dengan Pelanggan;

(2) mengambil tindakan yang sewajarnya bagi Bank atau ahli Kumpulan HSBC untuk memenuhi Kewajipan Pematuhan; dan/atau

(3) menutup akaun (akaun-akaun) Pelanggan.

## Perakaman Pita

11. Bank boleh memilih (tetapi adalah tidak berobligasi) untuk merakamkan arahan-arahan lisan Pelanggan dan/atau komunikasi dengan Bank. Rakaman tersebut, merupakan hakmilik tunggal Bank, hendaklah secara mutlaknya terikat ke atas Pelanggan dan Bank merizabkan hak untuk memusnahkan rakaman- rakaman selepas luputnya satu tempoh masa yang difikirkan sesuai olehnya.

## Dokumen Pengurusan

12. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberikan salinan-salinan cek- cek, cashier's orders, bank deraf – bank deraf, resit-resit, pengesahan-pengesahan, nasihat-nasihat, baucar-baucar, dokumen-dokumen, rakaman-rakaman atau item-item lain (dirujuk secara kolektif sebagai "**Dokumen-dokumen**") berkenaan dengan mana-mana jenis akaun:

    - selepas Bank telah menyempurnakan transaksi yang berkenaan;
    - selepas memikrofilemkan, mengimbaskan atau menyimpankannya di dalam mana-mana medium; atau
    - selepas akaun berkenaan telah ditutup oleh Pelanggan atau oleh Bank.

    Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada ketiadaan Dokumen-dokumen yang mana telah dikendalikan oleh Bank menurut polisi penyimpanan dokumen.

## "Memahami Pelanggan Anda"

13. (i) Pelanggan mengakui bahawa Bank adalah diperuntukkan untuk menjalankan usaha wajar (due diligence) untuk mengenal pasti dan mengetahui latar belakang pelanggannya. Pelanggan bersetuju untuk menandatangani deklarasi-deklarasi tersebut, melakukan tindakan-tindakan tersebut dan/atau memberikan dokumen-dokumen sepertimana yang diminta oleh Bank bagi tujuan ini di dalam tempoh masa yang diperuntukkan, dan kegagalan untuk berbuat demikian mungkin mengakibatkan Bank menggantungkan, menutup atau menghadkan penggunaan akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada tidak membenarkan apa-apa pemindahan dana-dana kepada pihak ketiga. Jika akaun tersebut akanditutup, Bank merizabkan haknya untuk menyerah balik dana-dana di dalam akaun kepada sumber dari mana dana-dana tersebut berasal.

    (ii) Jika Pelanggan atau pemegang saham (sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara sah atau benefisial) Pelanggan adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di negara yang membenarkan penerbitan saham pembawa, Pelanggan tersebut mengesahkan dan menjanjikan bahawa tidak ia mahupun pemegang saham itu telah menerbitkan sebarang saham pembawa dan seterusnya mengaku janji bahawa tidak ia mahupun pemegang saham tersebut akan mengeluarkan atau menukar mana-mana sahamnya atau saham pemegang saham itu (seperti mana yang berkenaan) kepada bentuk pembawa tanpa kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu, jika gagal berbuat demikian Bank berhak untuk menamatkan hubungan perbankan dengan Pelanggan.

## Pematuhan Cukai

14. Terma-terma dalam Fasal ini hendaklah terus terpakai walaupun selepas Bank berhenti memberikan apa- apa akaun, produk dan/atau perkhidmatan kepada Pelanggan. *(Sila rujuk kepada Fasal 42 untuk definisi berkenaan kepada Fasal ini.)*

    (i) Negara tertentu mungkin mempunyai undang-undang cukai berkuat kuasa luar wilayah tanpa mengira domisil, tempat tinggal, kewarganegaraan atau diperbadankan Pelanggan atau Orang Mempunyai Hubungan. Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak memberi nasihat cukai. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang dan/atau cukai secara bebas. Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC tidak mempunyai tanggungjawab berkenaan dengan kewajipan cukai Pelanggan dalam mana-mana bidang kuasa yang mereka mungkin timbul termasuk sebarang yang mungkin berkaitan secara khusus kepada pembukaan dan penutupan akaun, produk dan/perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dan/atau ahli-ahli Kumpulan HSBC.

    (ii) Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi kewajipan cukai Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembayaran cukai atau pemfailan pulangan atau dokumentasi yang diperlukan lain yang berhubungan dengan pembayaran semua cukai berkenaan) dalam semua bidang kuasa di mana mereka kewajipan timbul dan yang berhubungan dengan pembukaan dan penggunaan akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dan/atau ahli-ahli Kumpulan HSBC. Pelanggan mengesahkan dan menjanjikan bahawa setiap Orang Mempunyai Hubungan yang bertindak dalam kapasiti mereka sebagai Orang Mempunyai Hubungan (dan bukan dalam kemampuan mereka sendiri) juga membuat pengakuan yang sama dalam hal mereka sendiri.

    (iii) Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera, dan dalam sebarang keadaan, dalam tempoh 30 hari secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan kepada Maklumat Pelanggan yang dibekalkan kepada Bank dari semasa ke semasa, dan untuk bertindak dengan segera terhadap sebarang permintaan daripada Bank.

    (iv) Di mana Pelanggan tidak memberikan dengan segera Maklumat Pelanggan sepertimana diminta oleh Bank secara munasabah, Bank boleh:

    a tidak dapat menyediakan akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang baru, atau terus memberikan semua atau sebahagian daripadanya kepada Pelanggan dan berhak untuk menamatkan hubungan perbankan dengan Pelanggan;

    b. mengambil tindakan sepertimana yang perlu bagi Bank atau ahli kumpulan HSBC untuk memenuhi Kewajipan Pematuhan; dan/atau

    c. menghalang, memindahkan atau menutup akaun atau akaun-akaun Pelanggan, tertakluk kepada apa-apa sekatan di bawah Undang-Undang tempatan.

(v) Pelanggan mengakui bahawa kegagalan untuk membekalkan dengan segera, sebagaimana yang diminta, boleh mengakibatkan Maklumat Cukai Pelanggan atau Orang Mempunyai Hubungan dan penyata yang disertakan, penepian, dan persetujuan dalam Bank membuat pertimbangan sendiri berkenaan status Pelanggan, termasuk sama ada Pelanggan adalah boleh dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Cukai, dan boleh menghendaki Bank atau orang lain untuk menahan jumlah sepertimana dikehendaki undang-undang oleh mana-mana Pihak Berkuasa Cukai dan membayar jumlah tersebut kepada Pihak Berkuasa Cukai yang sesuai.

## Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat

15 Jika Pelanggan tidak mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat Generik, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik atau dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun yang terpakai, Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

## Aduan-aduan Pelanggan

16. Pelanggan menerima bahawa prosedur aduan-aduan adalah seperti berikut:

(a) menyempurnakan dan menyerahkan Borang Aduan atau menghantar surat yang mengandungi butir-butir yang mencukupi kepada Bank.

(b) Bank akan menjalankan penyiasatan mengenai aduan.

(c) Bank akan memberitahu Pelanggan mengenai hasil penyiasatan.

(d) jika Pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil penyiasatan, Pelanggan boleh merayu kepada Pengurus, Pasukan Berpengalaman Pelanggan (Customer Experienced Team) dan/atau merujukkan aduannya kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti atau Bank Negara Malaysia (sepertimana yang terpakai).

## Tangungjawab-tangungjawab Keselamatan Pelanggan

17. Di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini:

"**ATM**" bermakna mesin juruwang automatik.

"**Baki Sedia Ada**" bermakna dana-dana di dalam akaun berdasarkan rekod-rekod Bank termasuk had overdraf yang tidak digunakan (jika ada) tetapi tidak termasuk cek-cek yang belum ditunaikan dan apa-apa jumlah- jumlah yang ditahankan.

"**Pengenalan Biometrik**" bermaksud sebarang ciri-ciri atau ciri-ciri biologi unik yang mengesahkan identiti anda, seperti cap jari, retina mata, pengenalan wajah dan pengiktirafan suara.

"**Kad**" bermakna (a) kad ATM dan termasuk kad-kad kredit-i apabila digunakan di ATM, dan (b) kad-kad debit-i yang berfungsi sebagai instrumen pembayaran yang dikaitkan dengan akaun deposit Pelanggan dengan Bank yang boleh digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan di terminal-terminal tempat jualan ("Terminal-terminal POS").

**"Kod(-kod) keselamatan"** bermakna kod log masuk, kod pengesahan dan kod pengesahan transaksi secara kolektif.

"**PIN**" bermakna nombor pengenal-pastian peribadi.

**"Peranti Keselamatan"** bermakna peranti keselamatan yang ditetapkan oleh Bank bagi penggunaan Pelanggan untuk menjana Kod Keselamatan (kata laluan sekali) untuk mengakses dan menjalankan transaksi Perbankan Internet Peribadi HSBC Amanah dan perkhidmatan Perbankan Mudah Alih HSBC.

**"Kunci Keselamatan Mudahalih"** adalah sesuatu ciri keselamatan terdapati dalam aplikasi perbankan HSBC Malaysia yang menjana kod keselamatan untuk mengakses dan memberi kebenaran di Perbankan Internet

Pelanggan bersetuju bahawa:

(i) Pelanggan bertanggungjawab untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat penggunaan mana-mana akaun, produk dan/atau Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada menggunakan akaun, produk dan/atau Perkhidmatan secara bertanggungjawab dan bukan untuk sebarang aktiviti tanpa kebenaran dan hendaklah menyimpan semua Kad, PIN, kata laluan, Pengenalan Biometrik, Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih buku cek dan apa-apa cara lain untuk mendapatkan akses kepada akaun dengan selamat dan di bawah kawalan peribadi pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pelanggan, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan. Pelanggan mesti mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada

(a) tidak mengubah PIN atau kata laluan kepada nombor dan/atau nama yang:

(1) mudah diteka seperti tarikh lahir, nombor telefon, nama, tanda nama, nombor pasport, butiran lesen memandu dan lain-lain; atau

(2) turutan nombor yang dikaitkan dengan nombor akaun;

(b) tidak mendedahkan PIN atau kata laluan kepada sesiapa (termasuk kakitangan Bank) dan tidak menyatakannya dalam sebarang arahan yang diberikan kepada Bank sama ada secara lisan atau secara bertulis;

(c) tidak membenarkan mana-mana orang lain menggunakan Kad, PIN dan Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih

(d) tidak membuat rekod PIN atau kata laluan dengan cara yang boleh difahami oleh orang lain;

(e) tidak menulis PIN atau kata laluan pada Kad atau penyata akaun atau apa sahaja yang berhubung dengan Bank;

(f) segera memusnahkan sebarang makluman daripada Bank berhubung dengan PIN selepas menerimanya; dan

(g) memaklumkan Bank serta-merta jika Pelanggan mengetahui atau mengesyaki bahawa orang lain mengetahui PIN atau kata laluan tersebut.

(ii) Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan:

(a) secepat mungkin selepas mendapati bahawa Kad dan/atau Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih hilang, dicuri atau terdapat transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN atau Pengenalan Biometrik mungkin telah terdedah;

(b) serta-merta tanpa berlengah tentang sebarang perubahan kepada nombor hubungan Pelanggan atau selepas menerima pemberitahuan transaksi (SMS) bagi transaksi tanpa kebenaran atau mendapati sebarang ketidakseragaman dalam penyata akaun Pelanggan.

(iii) Kesemua transaksi yang dijalankan dengan menggunakan Kad, PIN, Pengenalan Biometrik, Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih atau kata laluan hendaklah dianggap sebagai “transaksi-transaksi yang diberikuasa” jika:

(a) Kad dan PIN, Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih kata laluan atau Pengenalan Biometrik yang padan dengannya telah digunakan dan sistem keselamatan untuk pemindahan dana Bank adalah berfungsi secara sepenuhnya pada hari tersebut;

(b) pegawai-pegawai atau agen-agen yang dilantik oleh Bank tidak melakukan frod atau cuai di dalam melaksanakan transaksi tersebut.

## Penggunaan kad

18. (i) Bank harus mengenakan fi-fi yang berkenaan bagi penggunaan Kad dan jumlah-jumlah adalah seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank.

(ii) Mana-mana Kad yang ditahan oleh ATM atau kemudahan-kemudahan deposit tunai automatik yang terletak di:

(a) dalam bangunan Bank atau HSBC dan tidak dipungut selepas 2 hari perbankan dari tarikh penahanan; atau

(b) luar bangunan Bank atau HSBC; akan dimusnahkan.

Fi pengeluaran Kad baru akan dikenakan jika Pelanggan meminta untuk satu Kad kemudian.

(iii) Bank harus membatalkan mana-mana Kad yang tidak digunakan untuk menjalankan pengeluaran atau pembelian dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Bank. Fi pengeluaran untuk Kad baru akan dikenakan jika Pelanggan meminta untuk satu Kad kemudiannya dan fi tersebut akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan.

(iv) Pelanggan mestilah memberitahu Bank secara serta merta mengenai apa-apa kehilangan atau kecurian mana-mana Kad atau Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih atau pendedahan (atau pendedahan yang disyaki) atau pendedahan apa-apa PIN, Pengenalan Biometrik atau kata laluan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan daripada apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan yang mengakibatkan kelewatan yang tidak munasabah Pelanggan dalam memberitahu Bank kehilangan atau kecurian Kad atau Peranti Keselamatan/Kunci Keselamatan Mudahalih atau kecuaian dalam pendedahan mana-mana PIN, Pengenalan Biometrik atau kata laluan.

(v) Kesemua Kad kekal menjadi hak milik Bank dan perlu diserahkan oleh Pelanggan atas permintaan Bank atau apabila Akaun/i ditukar atau ditutup dan dikembalikan kepada Bank apabila Pelanggan meninggal dunia.

(vi) Sesiapa Pelanggan kepada satu akaun bersama yang tidak lagi mempunyai kuasa bersama haruslah berhenti menggunakan Kad tersebut dan menyerahkan Kad tersebut kepada Bank dengan segera. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan, saman, prosidings, tuntutan, kerugian, kos, kerosakan dan apa-apa perbelanjaan yang mungkin akan berlaku berhubungan dengan penggunaan berterusan Kad oleh Pelanggan dan bagi apa-apa kerugian yang disebabkan.

(vii) Kesemua pengeluaran tunai daripada ATM adalah tertakluk kepada:

(a) had harian sebanyak RM5,000 atau jumlah-jumlah lain seperti yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa dan yang boleh dikurangkan oleh Pelanggan dengan memberikan arahan-arahan bertulis di kaunter kepada Bank;

(b) caj-caj yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di; dan

(c) Baki Sedia Ada di dalam akaun adalah mencukupi untuk meliputi kedua-dua jumlah yang dikeluarkan dan caj-caj.

(viii) Pelanggan bersetuju bahawa pengeluaran tunai diripada ATM di luar Malaysia akan didebitkan ke akaun Pelanggan selepas menukarkannya kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa Antarabangsa, pada tarikh penukaran di samping kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa Antarabangsa. Ini tidak terpakai kepada transaksi-transaksi yang dilaksanakan di luar negara ke atas Kad Debit-i Everyday Global dan diselesaikan dalam mata wang yang disokongan dalam

Akaun-i Everyday Global.

(ix) Pelanggan mengakui bahawa baki kredit dan debit pada paparan video ATM atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan/atau kelulusan dan tidak boleh dianggap sebagai penyata mutlak untuk baki akaun memandangkan mungkin ada transaksi-transaksi yang belum selesai atau penjelasan dengan bank lain / rumah penjelasan. Pelanggan hendaklah merujuk kepada penyata akaun untuk baki penyata akaun yang muktamad.

(x) Pelanggan mengakui bahawa ATM dan kemudahan automatik lain sekarang adalah tidak dikonfigurasikan untuk kegunaan cetakan orang kurang upaya atau orang cacat penglihatan dan Pelanggan tersebut tidak akan menjadikan Bank bertanggungjawab untuk apa-apa had dalam perkhidmatan yang timbul daripada pengeluaran Kad kepada Pelanggan atas permintaan Pelanggan tersebut

(xi) Bagi Akaun-i Everyday Global, penggunaan Kad juga tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik.

## Penggunaan kad debit-i

19. Penggunaan kad debit-i

(i) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa:

a. pelanggan mestilah menandatangani kad debit-i sejurus selepas menerimanya daripada Bank;

b. kad debit-i tidak boleh ditukarmilik dan hanya boleh digunakan oleh individu yang dikeluarkan kepadanya sahaja;

c. kad debit-i hanya boleh digunakan dalam tempoh sah yang dinyatakan di atas kad;

d. kad debit-i boleh dihubungkaitkan kepada akaun(-akaun) Pelanggan untuk transaksi-transaksi ATM. Namun, Kad Debit-i Everyday Global hanya boleh dihubungkaitkan kepada Akaun-i Everyday Global (EGA-i) dan sebaliknya;

e. Untuk Akaun-i Everyday Global, Pelanggan boleh memilih untuk menamakan dan menghubungkan hanya satu akaun untuk kad debit-i dari mana pembayaran di terminal-terminal POS akan didebitkan;

f. Pembelian-pembelian di terminal-terminal POS adalah tertakluk kepada had-had yang ditetapkan oleh Bank yang boleh dinaikkan atau diturunkan oleh Pelanggan sehingga kepada had yang ditentukan seperti yang dinyatakan di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my dengan memberikan arahan-arahan bertulis di kaunter kepada Bank;

g. Pelanggan tidak akan menggunakan kad debit-i bagi atau berhubungkait dengan apa-apa aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuklah tanpa batasan perjudian online) dan yang boleh menyebabkan Bank menolak transaksi-transaksi di terminal-terminal POS dan memberhentikan kad debit-i serta-merta, tanpa apa-apa liabiliti kepada Bank; dan

h. Bank akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa saluran-saluran elektronik tersedia kepada Pelanggan atas permintaan tetapi mungkin terdapat keadaan-keadaan jua cara dengan sebab apa-apa kerugian, kerosakan, atau kecederaan yang terjadi atau jika kad debit-i tidak ditunaikan, disebabkan oleh apa-apa kecacatan mekanikal atau kepincangan fungsi mana-mana ATM, terminal-terminal POS, rangkaian internet atau terminal-terminal lain atau saluran-saluran yang disediakan dan Pelanggan akan diminta untuk meneruskan ke cawangan atau saluran-saluran alternatif lain yang diarahkan oleh Bank untuk perkhidmatan yang diperlukan.

(ii) Pelanggan bersetuju bahawa semua transaksi pada kad debit-i adalah tertakluk kepada:

a. pengeluaran harian ATM dan had-had pembelian harian kad debit-i masing-masing;

b. fi-fi seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di; dan

c. Baki Sedia Ada di dalam akaun yang dinamakan mencukupi untuk menampung jumlah yang akan dikeluarkan dari ATM, pembelian-pembelian di terminal-terminal POS dan fi-fi.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa bagi pembayaran-pembayaran di terminal-terminal POS:

a. Pelanggan mesti memasukkan PIN atau Pengenalan Biometrik apabila diminta berbuat demikian untuk menyempurnakan pembelian, jika tidak transaksi tersebut mungkin ditolak;

b. Pelanggan mungkin tidak dikehendaki memasukkan PIN atau Pengenalan Biometrik bagi transaksi-transaksi yang dilakukan di luar negara di mana tandatangan Pelanggan diperlukan;

c. Pelanggan mungkin tidak dikehendaki menandatangani atau memasukkan PIN atau Pengenalan Biometrik bagi transaksi-transaksi tanpa sentuhan yang dilakukan di dalam negeri untuk transaksi di bawah RM250 atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Visa dan/atau Bank;

d. peniaga boleh menyemak bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun yang dinamakan dengan menghantar satu kebenaran permintaan kepada Bank;

e. semasa kelulusan untuk sesetengah transaksi-transaksi, sebahagian baki akaun boleh disekat sehingga transaksi telah disempurnakan;

f. bagi transaksi-transaksi Dispenser Bahan Api Automatik (“AFD”) untuk pembelian petrol, blok hendaklah

diadakan seperti berikut:

(1)bagi transaksi-transaksi yang dilakukan di Malaysia untuk 3 hari bekerja selepas hari transaksi;

(2)bagi transaksi-transaksi yang dilakukan di luar Malaysia, untuk 14 hari bekerja selepas hari transaksi.

g. bagi transaksi-tranksasi bukan AFD, blok hendaklah diadakan sehingga transaksi tersebut telah diselesaikan dan jumlah muktamad didebitkan daripada akaun;

h. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan atau peninggalan mana-mana institusi pedagang termasuk apa-apa keengganan untuk melunaskan kad debit-i, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pelanggan oleh pedagang tersebut;

i. Pelanggan hendaklah menyelesaikan segala aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap pedagang- pedagang secara terus dan Pelanggan bersetuju untuk tidak melibatkan Bank dalam tuntutan- tuntutan, pertikaian-pertikaian atau prosiding-prosiding undang-undang tersebut; dan

j. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran yang diremit kepada pedagang walaupun apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian yang Pelanggan mungkin ada terhadap pedagang.

(iv) Pelanggan bersetuju bahawa pengeluaran dan transaksi-transaksi pembelian yang dijalankan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan didebitkan ke dalam akaun selepas penukaran kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa Antarabangsa, pada tarikh penukaran di samping kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa Antarabangsa. Ini tidak terpakai kepada transaksi yang dilaksanakan di luar negara (termasuk transaksi-transaksi atas talian yang dilakukan dalam mata wang asing) ke atas Kad Debit-i Everyday Global dan diselesaikan dalam mata wang yang disokong dalam Akaun-i Everyday Global.

(v) Pelanggan tidak boleh menggunakan atau cuba menggunakan kad debit-i kecuali mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun.

(vi) (a) Dalam keadaan di mana berlaku transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan PIN atau Pengenalan Biometrik, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab terhadap Transaksi-transaksi Kad yang dipertikaikan melainkan Pelanggan terbukti telah:

(i) bertindak secara menipu;

(ii) berlengah untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i Pelanggan;

(iii) mendedahkan PIN Pelanggan kepada orang lain secara sukarela;

(iv) mencatatkan PIN atau Pengenalan Biometrik pada kad debit-i Pelanggan, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran kad debit-i, yang mungkin hilang atau dicuri bersama kad debit-i.

(b) Dalam keadaan di mana berlaku transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuhan, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab terhadap Transaksi-transaksi Kad yang dipertikaikan melainkan Pelanggan terbukti telah:

(i) bertindak secara menipu;

(ii) berlengah untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit-i pelanggan;

(iii) meninggalkan kad debit-i atau barang yang mengandungi kad debit-i tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat atau dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Pelanggan. Bagaimanapun, Pelanggan dikehendaki menjaga kad debit-i dengan sewajarnya walaupun di tempat kediaman Pelanggan; atau

(iv) membenarkan orang lain menggunakan kad debit-i Pelanggan secara sukarela.

(c) Untuk memudahkan Bank di dalam siasatan ke atas apa-apa laporan tentang kehilangan atau kecurian kad debit-i, Bank akan memerlukan bantuan Pelanggan untuk melakukan yang berikut:

(1) walaupun Pelanggan mungkin telah membuat satu laporan lisan, Bank akan memerlukan Pelanggan untuk melengkapkan satu laporan bertulis, yang boleh meliputi melengkapkan satu senarai soalan;

(2) untuk memberikan Bank satu salinan laporan polis yang difailkan berkenaan dengan kehilangan atau kecurian kad debit-i.

(vii) Pelanggan mengakui bahawa ATM, terminal-terminal POS dan kemudahan automatik lain sekarang adalah tidak dikonfigurasikan untuk kegunaan cetakan orang kurang upaya atau orang cacat penglihatan dan Pelanggan tersebut tidak akan menjadikan Bank bertanggungjawab untuk apa-apa had perkhidmatan yang timbul daripada penggunaan kad debit-i di ATM, terminal-terminal POS atau kemudahan automatik lain.

## Deposit-deposit Cek & Tunai

20. (i) Pelanggan bersetuju untuk mengikut prosedur-prosedur yang dipriskribkan secara betul apabila menggunakan kemudahan-kemudahan automatik yang dibekalkan oleh Bank untuk deposit-deposit cek dan tunai. Pelanggan bersetuju bahawa kesemua cek-cek yang tidak dipalangkan hendaklah dipalangkan dengan menulis 2 garisan diagonal yang selari pada bahagian atas sudut kiri cek sebelum mendepositkannya untuk mengelakkan pengendorsan atau perubahan penipuan yang dibuat kepada cek

(ii) Pelanggan mengakui bahawa kesemua deposit tunai (selain daripada melalui kemudahan-kemudahan deposit tunai automatik) mestilah diserahkan secara terus kepada juruwang Bank. Pelanggan bersetuju untuk tidak

meninggalkan wang tunai tanpa jagaan sehingga juruwang Bank menerimanya secara fizikal dan juga bersetuju untuk:

(a) menghitung wang tunai yang diterima sebelum meninggalkan kaunter kerana Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kekurangan selepas wang tunai diserahkan kepada Pelanggan dan Pelanggan telah meninggalkan kaunter;

(b) menyemak semua nasihat-nasihat transaksi debit dan kredit dengan transaksi-transaksi kaunter;

dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada kegagalannya untuk berbuat demikian.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa cek dan/atau deposit-deposit tunai yang dibuat melalui kemudahan-kemudahan automatik yang disediakan oleh Bank akan diproses selaras dengan 'cut-off' masa Bank sepertimana yang diperuntukkan pada masa deposit dan, hendaklah dianggap sebagai dibuat selepas sahkannya, dijelaskannya dan dimasukkannya ke dalam rekod-rekod Bank.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa jumlah deposit yang ditunjukkan pada paparan video kemudahan- kemudahan automatik atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan/atau kelulusan dan maka tidak akan dianggap seperti diterima untuk nilai sehingga jumlah yang deposit telah dimasukkan ke dalam rekod-rekod Bank.

(v) Pelanggan juga mengakui bahawa cek dan deposit tunai yang dibuat melalui kemudahan automatik yang disediakan oleh Bank akan diproses mengikut masa yang ditetapkan oleh Bank seperti yang tertera di paparan skrin kemudahan tersebut dan jika tidak tertera di skrin kemudahan tersebut, di lobi Express Perbankan Bank.

## Cek Matawang Asing

21. (i) Pelanggan mengakui bahawa:

(a) Bank mungkin tertakluk kepada undang-undang asing apabila mengutip cek-cek matawang asing bagi pihak Pelanggan daripada bank pembayar di luar Malaysia ("pengutipan asing"); dan

(b) undang-undang asing mungkin membenarkan bank pembayar untuk menuntut pembayaran balik daripada Bank dalam masa 6 tahun selepas cek ditunaikan.

(ii) Pelanggan bersetuju:

(a) bahawa Bank merizabkan haknya untuk mendebitkan akaun Pelanggan untuk pembayaran balik;

(b) bahawa Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan; dan

(c) untuk membayar balik sepenuhnya kepada Bank untuk kesemua fi, kos and perbelanjaan yang ditanggung dalam menyediakan perkhidmatan termasuk yang timbul akibat penggunaan dan perhubungan Bank dengan perantara-perantara dan pihak ketiga sebagai ejen Pelanggan.

(iii) Pelanggan selanjutnya mengakui dan bersetuju:

(a) bahawa Bank boleh dalam budibicaranya menolak untuk menerima pengutipan ataupembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain walaupun tidak mempunyai ketidakteraturan atau pengubahan atas cek matawang asing, bil atau instrumen lain tersebut atau bahawa pengubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan Pelanggan kerana Bank mungkin tidak dapat memberikan bantuan penjelasan ke atasnya;

(b) bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberi alasan-alasan bagi melaksanakan budibicaranya dalam menolak untuk menerima pengutipan atau pembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain; dan

(c) bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

## Penghantaran Wang Masuk (Inward)

22. (i) Bank merizabkan haknya:

(a) untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal, apabila cek, instrumen, perintah atau arahan pembayaran yang relevan adalah kemudiannya dikembalikan tanpa bayaran atau tidak boleh diserahkan atau ditunaikan akibat daripada kehilangan atau kerosakan atau salah-letak dalam proses penyerahan atau, jika jumlah telah salah dikreditkan pada permulaannya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan;

(b) untuk meminda nasihat, slip-bayaran-masuk kerana kesilapan, penambahan yang salah, peninggalan item, atau pengutipan cek pembayaran pihak ketiga yang salah;

(c) untuk menghentikan apa-apa penghantaran wang masuk (inward) yang memihak kepada Pelanggan jika maklumat mengenai penghantar yang diterima oleh Bank adalah tidak lengkap atau jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pengiriman wang dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan atau penolakan penghantaran wang masuk (inward);

(d) untuk membatalkan apa-apa pembayaran yang diterima melalui MEPS Interbank GIRO daripada seorang residen atau akaun eksternal untuk kredit ke akaun eksternal Pelanggan dengan Bank, jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pembayaran, atau jika jumlah tersebut melebihi RM10,000 sehari dan/atau jika ianya adalah berasal daripada sumber yang tidak dibenarkan di bawah Dasar Pertukaran Asing (Foreign Exchange Policy).

Pelanggan bersetuju:

- bahawa Bank tidak akan bertanggunjawab kepada Pelanggan bagi apa-apa kerugian, kesilapan, ketinggalan atau kelewatan oleh bank koresponden, penjelasan atau perantara yang mungkin akan berlaku dalam pemindahan atau penghantaran wang masuk ke dalam akaun Bank Pelanggan melainkan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran Bank; dan

- bahawa Bank hanya boleh mengkredit dana ke dalam akaun Pelanggan selepas menerima dana daripada bank koresponden, penjelasan atau perantara.

## Penghantaran Wang Ke Luar

23. (i) Pelanggan mengakui bahawa:

a. kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar (contohnya pemindahan telegrafik, deraf-deraf permintaan (demand drafts), cashier's orders, RENTAS, MEPS Interbank GIRO) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank;

b. permohonan untuk nilai hari yang sama adalah juga tertakluk kepada waktu-waktu batas berdasarkan lokasi geografi penerima;

c. permohonan untuk penghantaran wang ke luar yang diterima selepas waktu batas yang relevan hanya akan diproses pada hari perbankan yang seterusnya; dan

d. bagi penghantaran wang yang bergantung kepada institusi-institusi lain, Bank akan memproseskan permohonan menurut waktu batas harian Bank dan menghantar yang sama kepada institusi yang lain untuk pemprosesan mereka dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan dan/atau kesilapan di dalam pemprosesan oleh institusi lain.

(ii) Pelanggan bersetuju bahawa:

- permohonan untuk pemindahan-pemindahan telegrafik atau deraf-deraf permintaan akan dilaksanakan oleh Bank di dalam matawang yang dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, kecuali Pelanggan secara spesifiknya memberikan kepada Bank arahan bertulis yang berlainan;
- Melainkan kadar pertukaran telah disahkan dengan peniaga Bank untuk transaksi tersebut, jika Bank tidak berupaya untuk memberikan satu penyata-harga yang kukuh untuk kadar penukaran, Bank hendaklah melaksanakan penghantaran wang ke luar berdasarkan satu kadar sementara dan apabila kadar sebenar diketahui, apa-apa perbezaan di antara kadar sementara dan kadar sebenar hendaklah didebitkan atau dikreditkan ke dalam akan Pelanggan yang relevan; dan
- kesemua caj untuk penghantaran wang hendaklah didebitkan ke dalam akaun Pelanggan yang relevan.

(iii) Bank merizabkan haknya untuk mengeluarkan wang untuk pemindahan telegrafik atau deraf permintaan dari cawangan atau lokasi Bank yang lain selain daripada yang dinyatakan secara spesifik oleh Pelanggan jika keadaan operasi Bank memperuntukkannya.

(iv) Pelanggan mestilah memastikan bahawa bank penerima dan butiran benefisiari adalah tepat dan lengkap dalam borang permohonan.

(v) Pelanggan mengakui bahawa pemindahan dana-dana daripada akaun kad kredit ke mana-mana akaun pihak ketiga melalui MEPS Interbank GIRO adalah dianggap sebagai pendahuluan tunai dan Perjanjian Pemegang Kad yang relevan adalah terpakai.

(vi) Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan:

(a) untuk apa-apa kelengahan atau penolakan oleh pihak-pihak penerima atau perantara yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran dan/ atau penggunaan dana; atau

(b) kelengahan-kelengahan atau penolakan pemindahan-pemindahan telegrafik (yang timbul daripada butir-butir pembayaran yang tidak tepat atau lengkap yang disediakan oleh Pelanggan), bagi apa-apa kesilapan, peninggalan atau kecacatan yang akan berlaku semasa penghantaran mesej (secara harafiah atau dalam kod) atau kesalahan penafsiran oleh pihak penerima atau perantara apabila menerimanya;

(c) kerugian yang timbul daripada mana-mana di atas.

(vii) Pelanggan mengakui bahawa pengkreditan pemindahan dana melalui Interbank GIRO hendaklah dikenalpasti berdasarkan nombor akaun yang diberikan. Pelanggan juga boleh memberikan pengenalpastian tambahan untuk melaksanakan pengkreditan dan hendaklah terhad kepada bidang pengenalpastian yang diterima dalam format perbankan Interbank GIRO

## Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/Penghantaran Wang

24. (i) Bank merizabkan haknya untuk melaksanakan arahan Pelanggan untuk membayar atau menghantar wang dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Bank walaupun terdapat arahan spesifik daripada Pelanggan. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa permintaan untuk membatalkan satu arahan untuk pembayaran atau penghantaran wang mestilah dibuat secara bertulis dan sebaik sahaja arahan penghantaran wang dikeluarkan dan Bank mempunyai budibicara samada untuk membatalkannya atau tidak. Sebarang pembatalan akan tertakluk kepada hak Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan bagi semua caj yang dikenakan dan kerugian ke atas pertukaran wang asing akibat pembatalan.

(ii) Jika arahan pembayaran atau penghantaran wang Pelanggan perlu dilaksanakan melalui satu sistem pembayaran atau penjelasan yang dioperasikan oleh pihak ketiga, Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan mana-mana koresponden, agen, sub-agen, agensi atau institusi-institusi kewangan lain (dirujuk secara kolektif sebagai "Pihak Perantara"), dan Pelanggan memberi persetujuannya kepada

Bank untuk mendedahkan kesemua maklumat yang perlu kepada mereka. Pelanggan mengakui bahawa pembayaran atau penghantaran wang tersebut selepas menolak apa-apa caj yang terpakai, hendaklah dikreditkan ke akaun benefisiari berdasarkan secara tunggal kepada nombor akaun yang diberikan oleh Pelanggan.

(iii) Pelanggan bersetuju bahawa Bank atau Pihak Perantara yang relevan tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan, kelengahan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kesalahan penafsiran atau hasil-hasil (outcome) yang lain akibat daripada arahan pembayaran atau penghantaran wang dihantar atau diterima melalui apa-apa saluran komunikasi jika tidak disebabkan oleh Bank atau perantara yang relevan.

(iv) Pelanggan bersetuju kepada pendedahan nama dan nombor akaun Pelanggan oleh Bank di dalam butir- butir transaksi yang dihantar kepada institusi-institusi kewangan penerima dan/atau pembayar.

## Melaksanakan Arahan Tetap/Berkala (Periodic)

25.(i) Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang dibekalkan oleh Bank, apa-apa pengubahan atau pindaan kepada:

(a) jumlah-jumlah pembayaran atau had pembayaran;

(b) cara pembayaran; dan/atau

(c) tempoh masa berkala untuk bayaran;

untuk arahan-arahan tetap atau bayaran berkala dan tertakluk kepada Fasal 27 di bawah, Pelanggan mengakui bahawa pengubahan-pengubahan atau pindaan-pindaan tersebut hendaklah berkuatkuasa 1 minggu dari penerimaan notis tersebut oleh Bank.

(ii) Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menamatkan arahan-arahan tetap atau bayaran berkala untuk bayaran-bayaran masa hadapan pada bila-bila masa, melalui notis bertulis kepada Pelanggan di mana ia tidak lagi boleh melaksanakan yang sama atau ke atas menerima pengesahan bertulis daripada penerima bayaran yang dinamakan di dalam arahan-arahan tetap atau bayaran berkala bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan tetap atau bayaran berkala akan dilaksanakan atas syarat bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk segala bayaran yang tidak dibuat kerana ketidak-cukupan dana-dana.

(iv) Jika arahan-arahan tetap atau bayaran berkala diberikan untuk satu pembayaran terhad, Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan jumlah- jumlah yang dikenakan oleh penerima bayaran, dan apa-apa pertikaian ke atas jumlah-jumlah hendaklah diselesaikan oleh Pelanggan secara terus dengan penerima bayaran.

## Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik

26. Di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik:

"**Bayaran Automatik**" bermakna sejumlah bayaran-bayaran yang menggunakan sistem yang berdasarkan angka.

"**Bayaran Masuk Automatik**" bermakna bayaran-bayaran kepada Pelanggan menggunakan Bayaran Automatik.

"**Bayaran Keluar Automatik**" bermakna bayaran-bayaran oleh Pelanggan yang menggunakan Bayaran Automatik.

"**Perkhidmatan Bayaran Automatik**" bermakna samada Bayaran Masuk Automatik atau Bayaran Keluar Automatik.

(i) Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan Bayaran Automatik adalah bergantung kepada sistem yang berdasarkan angka dan maka Bank tidak mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa akaun/nama- nama penerima bayaran yang diberikan oleh Pelanggan adalah sama atau berdekatan dengan nama-nama akaun di dalam rekod-rekod Bank, dan bersetuju bahawa pemindahan kepada atau daripada satu akaun yang mempunyai nombor yang sama seperti yang yang diberikan oleh Pelanggan adalah betul dan secara sepenuhnya melepaskan Bank daripada arahan Pelanggan.

(ii) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj-caj untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa:

(a) jika tarikh matang untuk satu bayaran terletak pada hari cuti, kemasukan-kemasukan akan diluluskan pada hari perbankan sebelum hari cuti;

(b) jika dana di dalam akaun Pelanggan tidak mencukupi dalam apa jua keadaan di bawah perkhidmatan Autopay Out, ini akan menyebabkan arahan Pelanggan dibatalkan secara automatik;

(c) Perkhidmatan Bayaran Automatik boleh ditamatkan oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis pendahuluan selama 7 hari kepada Pelanggan.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa Bank adalah tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran, kemasukan dan/atau penggunaan dana-dana di luar kawalan Bank.

(v) Pelanggan bersetuju untuk membayar balik kepada Bank untuk segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mana Bank mungkin mengalami akibat daripada melaksanakan arahan-arahan Pelanggan di bawah Perkhidmatan Bayaran Automatik.

## Kedahuluan Bayaran

27. Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara untuk menentukan secara susunan kedahuluan bayaran dari dana-dana Pelanggan, untuk cek-cek yang dikeluarkan dari akaun Pelanggan atau apa-apa arahan tetap atau

bayaran pihak ketiga daripada Pelanggan secara dasar pertama masuk pertama keluar.

## Arahan-arahan Pelanggan

28. Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan Pelanggan boleh dilaksanakan walaupun:

(a) mereka adalah bertentangan dengan atau tidak konsisten dengan arahan-arahan atau mandat-mandat lain yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau

(b) akaun yang pada masa kini di dalam kredit atau melebihi had, boleh menjadi atau terus menjadi melebihi had sebagai akibatnya.

Di dalam mana-mana kejadian yang disebutkan di atas, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk pendahuluan wang yang diakibat daripada itu atau kemudahan-kemudahan kredit yang diwujudkan tertakluk kepada keuntungan pada kadar yang ditentukan oleh Bank, dan Fasal 2 di atas adalah terpakai. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun Pelanggan atau membuat penyusunan awal untuk kemudahan-kemudahan kredit untuk memenuhi kesemua arahan bayaran.

Kesemua arahan oleh Pelanggan hendaklah terus berkuatkuasa untuk perlindungan Bank untuk bayaran- bayaran yang dibuat atau arahan-arahan yang dilaksanakan dengan suci hati meskipun terdapat kematian, kebankrapan atau penggulungan syarikat atau pembatalan mana-mana arahan tersebut melalui apa-apa cara oleh Pelanggan, sehingga notis bertulis bersama dengan dokumen-dokumen yang membuktikan kematian, kebankrapan atau penggulungan syarikat atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

## Di Luar Kawalan Bank

29. Pelanggan tidak harus membuat Bank bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang timbul daripada kegagalan perkhidmatan disebabkan oleh kerosakan atau ketidak-fungsian apa-apa komputer, rangkaian atau peralatan yang tidak berada di bawah kawalan Bank, percubaan atau tindakan keganasan sebenar, perebakan wabak, tindakan-tindakan Tuhan atau apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank.

## Telekomunikasi

30. (i) atas permintaan Pelanggan, Bank adalah diberikuasa untuk melepaskan maklumat berkenaan dengan akaun Pelanggan, kadar-kadar pertukaran atau kadar-kadar keuntungan (tertakluk kepada pindaan) pada budibicaranya melalui telefon, atau telex. Maklumat atau kadar-kadar yang diberikan melalui telefon tidak harus terikat ke atas Bank kecuali ianya selanjutnya disahkan oleh Bank secara bertulis;

(ii) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menghantar apa-apa maklumat akaun, maklumat- maklumat kemaskini dan peringatan-peringatan berkenaan dengan akaun Pelanggan melalui perkhidmatan sistem mesej pendek (“SMS”) atau perkhidmatan mesej multimedia (“MMS”) ke nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Fasal 3, termasuk baki terhutang, baki yang masih sedia ada, had overdraf (jika ada) dan maklumat-maklumat kini yang lain yang mana akan dibekalkan oleh Bank dari masa ke semasa.

(iii) Bank adalah diberikuasa untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas arahan-arahan yang diterima oleh Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon bimbit (termasuk SMS dan MMS yang dihantar daripada nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Fasal 3), medium elektronik (iaitu komunikasi online termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan yang diterima melalui aplikasi perbankan mudah alih) telex, (tidak termasuk arahan yang diterima untuk akaun Kad Kredit-i) atau cara-cara telekomunikasi lain (dirujuk secara kolektif sebagai “Arahan-arahan Telekomunikasi”) dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah diberikuasa untuk menganggap mana-mana Arahan Telekomunikasi yang Bank dipercayai datang daripada Pelanggan (selepas mengambil langkah munasabah untuk mengesahkan identiti orang yang memberikannya atau sumber Arahan Telekomunikasi) sebagai diberikuasa penuh oleh Pelanggan dan bergantung dan bertindak ke atasnya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika Arahan Telekominkasi tersebut bukanlah sebenarnya datang dari Pelanggan.

Meskipun apa yang dinyatakan di dalam Fasal ini, Bank adalah tidak berobligasi untuk menerima dan bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi berkenaan:

(a) penukaran mandat akaun;
(b) penukaran penandatangan-penandatangan yang diberikuasa;
(c) pemberian Surat Kuasa kepada orang atau entiti yang lain;
(d) arahan-arahan bayaran;
(e) penutupan akaun dan pemindahan baki yang sedia ada.

(iv) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi yang telah disahkan secara wajar oleh Bank. Gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun pembatalan apa-apa kuasa, penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan apa-apa akaun.

(iv) Bank boleh di dalam budibicaranya, memperkenalkan langkah-langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan, sejauh mana yang mungkin, bahawa Arahan-arahan Telekomunikasi telah diberikuasa oleh Pelanggan.

(vi) Pelanggan boleh membatalkan kuasa di dalam Fasal 30(i) atau (ii) and/or Fasal 30 (ii) melalui notis bertulis yang ditandatangani menurut mandat akaun dan memberikannya kepada cawangan akaun.

## Gantirugi Daripada Pelanggan

31. Sekiranya Pelanggan telah mengakujanji untuk ganti rugi atau memampas Bank, kewajipan untuk gantirugi dan/atau pampasan hendaklah berterusan meskipun penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan mana- mana akaun.

## Perbelanjaan Undang-undang

32. Pelanggan bersetuju bahawa:
   (a) kesemua perbelanjaan undang-undang yang dikeluarkan oleh Bank untuk pemulihan apa-apa jumlah- jumlah daripada Pelanggan di bawah mana-mana kemudahan kredit atau akaun hendaklah ditanggung oleh Pelanggan; dan
   (b) jumlah penghakiman hendaklah dikenakan caj ganti rugi pada kadar yang pada masa kini terpakai ke atas kemudahan-kemudahan kredit atau akaun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh.

## Konflik & Peraturan Kedahuluan

33. Jika terdapatnya apa-apa inkonsistensi di antara Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai dan mana-mana dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/ Perkhidmatan, terma-terma dan syarat-syarat hendaklah diberi keutamaan (prevail) di dalam aturan seperti berikut: *(Sila rujuk kepada Fasal 42 untuk definisi "Perkhidmatan-perkhidmatan")*
   (i) Fasal 8, 9, 10, 14 dan 42 Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini;
   (ii) dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun;
   (iii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai; dan
   (iv) akhirnya, semua fasal lain Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini yang tidak dinyatakan dalam perenggan (i) di atas.

## Notis-notis

34. Apa-apa penyata, notis, komunikasi atau tuntutan yang mana cara penghantaran bukanlah seperti yang dinyatakan secara spesifik di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat- syarat Spesifik yang terpakai atau Terma Piagam pelanggan (yang sedia ada di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my):
   (i) adalah diperuntukkan secara bertulis, boleh diberikan oleh Bank kepada Pelanggan di alamat Pelanggan atau alamat e-mel atau nombor telefon bimbit Pelanggan yang disimpan di dalam rekod-rekod Bank:
      (a) penghantaran kendiri yang mana hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran;
      (b) pengeposan biasa/berdaftar (sama ada AR atau bukan AR berdaftar) atau kurier yang mana hendaklah dianggap sebagai diterima pada hari ketiga selepas pengeposan atau pada hari ketiga selepas dihantar kepada pembekal perkhidmatan kurier, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun ia mungkin akan dikembalikan kerana tidak dapat dihantar, atau Bank tidak menerima kad AR yang ditandatangani atau pengakuan penerimaan Pelanggan;
      (c) e-mel dan mesej elektronik hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; atau
   (ii) penampalan di laman web Bank, dan hendaklah dianggap sebagai diterima serta merta selepas penampalan tersebut dibuat oleh Bank.
      (a) hendaklah diberikan oleh Pelanggan kepada Bank secara bertulis melalui:
         1) penghantaran; atau
         2) pengeposan;
      ke cawangan akaun, dan hendaklah diterima pada tarikh ianya sebenarnya diterima oleh Bank.

## Tiada Penepian & Tiada Penyerahan Hak

35. (i) Tiada tindakan, peninggalan atau kelengahan oleh Bank di dalam melaksanakan apa-apa kuasa, hak atau remedi di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini akan dianggap sebagai penepian oleh Bank melainkan penepian tersebut adalah disahkan oleh Bank secara bertulis. Perlaksanaan tunggal atau sebahagian oleh Bank ke atas apa-apa kuasa, hak atau remedi tidak akan menghalang perlaksanaan lanjutan atau perlaksanaan kuasa, hak atau remedi yang lain.
   (ii) Pelanggan tidak dibenarkan untuk menyerah hak atau memindahkan mana-mana hak atau obligasi Pelanggan kepada mana-mana orang kecuali dengan persetujuan bertulis Bank terlebih dahulu.

## Kesalahan Undang-undang (Illegality)

36. Apa-apa terma atau syarat di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini yang tidak boleh dikuatkuasa tidak akan menjejaskan terma-terma & syarat-syarat lain.

## Akaun Dorman

37. (i) Akaun yang tidak mempunyai transaksi yang dimulakan oleh Pelanggan (contohnya deposit-deposit atau

pengeluaran-pengeluaran wang) untuk satu tempoh berterusan sepanjang 12 bulan (kecuali deposit dan pengeluaran wang yang diinisiasikan oleh Bank) akan diklasifikasikan oleh Bank sebagai dorman. Akaun yang dorman untuk satu tempoh berterusan selama 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut dan baki akaun akan dibayar oleh Bank ke dalam kumpulan wang disatukan kerajaan untuk wang yang tidak dituntut. Pelanggan akan dikehendaki memohon secara terus kepada kumpulan wang disatukan untuk apa-apa pulangan wang yang tidak dituntut

(ii) Pelanggan tidak boleh melakukan transaksi ke atas akaun dorman sehingga Pelanggan mengaktifkan semula akaun tersebut di kaunter Bank atau di Pusat Teleperbankan Bank dengan pengesahan yang sesuai sebelum akaun tersebut diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut.

## Frod

38. Pelanggan bersetuju untuk berkerjasama dengan Bank dan polis di dalam percubaan untuk memulihkan apa-apa kerugian akibat daripada Bank bertindak ke atas arahan-arahan yang mana Pelanggan kemudiannya memaklumkan Bank bahawa ianya adalah tidak diberikan atau diberikuasa oleh Pelanggan. Pelanggan bersetuju kepada pendedahan maklumat mengenai Pelanggan dan/atau akaun Pelanggan oleh Bank kepada polis atau pihak-pihak ketiga termasuk di dalam prosiding undang-undang, jika Bank berpendapat bahawa ianya akan membantu untuk mencegah atau memulihkan kerugian.

## Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar

39. Pelanggan mengakui bahawa:

(i) fi-fi dan caj-caj yang terpakai boleh dijumpai di dalam Tarif dan Caj-caj Bank pada laman web Bank di https://www.hsbcamanah.com.my/content/dam/hsbc/hbms/documents/tariffs-and-charges.pdf (sepertimana yang dikemaskinikan dari semasa ke semasa) dan borang- borang yang merupakan sebahagian daripada Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini dan terikat ke atas Pelanggan, dan Bank merizabkan hak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula dari semasa ke semasa fi-fi dan caj-caj tersebut sepertimana yang difikirkan sesuai di dalam budibicara Bank dan mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan fi-fi dan caj-caj yang terpakai; dan

(ii) pendedahan kadar keuntungan dan/atau kadar hibah yang lepas yang terdahulu untuk deposit-deposit boleh dijumpai di laman web Bank di https://www.hsbcamanah.com.my/content/dam/hsbc/hbms/documents/profit- (sepertimana yang dikemaskinikan dari semasa ke semasa).

## Bidangkuasa

40. Pelanggan menyerahkan dirinya kepada bidangkuasa tanpa eksklusif Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

## Pematuhan Syariah

41. Semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank adalah disahkan sebagai mematuhi Syariah menurut prinsip-prinsip Syariah yang dinyatakan.

## Definisi-definisi

42. Bagi tujuan Fasal 8, 10, 14 dan 33:

**"Pihak-pihak Berkuasa"** termasuk mana-mana kehakiman, pentadbiran, badan awam atau berperaturan, mana-mana kerajaan, mana-mana Pihak Berkuasa Cukai, sekuriti atau pertukaran masa depan, mahkamah, bank pusat atau badan penguatkuasaan undang-undang, atau mana-mana ejen mereka yang mempunyai bidangkuasa ke atas mana-mana ahli Kumpulan HSBC.

**"Pematuhan Obligasi"** bermaksud obligasi-obligasi yang Kumpulan HSBC harus patuhi: (1) Undang- undang atau garis panduan antarabangsa dan polisi atau prosedur dalaman, (2) apa-apa permintaan dari Pihak-pihak Berkuasa atau pelapor, pendedahan atau obligasi lain di bawah Undang-undang, dan/atau (3) Undang-undang yang menghendaki Bank untuk mengesahkan identiti pelanggan-pelanggan.

**"Orang yang Berhubungkait"** bermaksud seseorang atau satu entiti (selain daripada Pelanggan) yang mana maklumat (termasuk Data Peribadi atau Maklumat Cukai) yang diberikan oleh, atau bagi pihak, Pelanggan kepada mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC atau yang mana adalah sebaliknya diterima oleh mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC berkenaan dengan penyediaan apa-apa akaun, produk dan/atau Perkhidmatan. "Seseorang Yang Berhubungkait" boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana- mana penjamin atau pembekal sekuriti, pemegang saham, seorang pengarah atau pegawai syarikat, penjamin atau pembekal sekuriti, rakan kongsi atau ahli-ahli rakan kongsi, pemegang jawatan, mana- mana penandatangan, pengguna, wakil atau pentadbir sistem, mana-mana "pemilik besar", "orang yang mengawal", atau pemilik benefisial, pemegang amanah, pembuat atau pelindung amanah, pemegang akaun bagi akaun yang ditetapkan, penerima bayaran bagi bayaran yang ditetapkan, wakil, ejen atau penama bagi Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti lain yang mempunyai hubungkait kepada Pelanggan yang berkaitan kepada hubungan Pelanggan dengan Kumpulan HSBC.

**"orang yang mengawal"** bermaksud individu-individu yang mengawal sesebuah entiti. Bagi sesuatu amanah, mereka adalah pembuat amanah, pemegang amanah, pelindung amanah, benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana individu lain yang menjalankan kawalan muktamad dan berkesan ke atas amanah, dan bagi entiti selain daripada amanah, mereka ini merupakan orang yang mempunyai kedudukan kawalan yang sama atau serupa.

**"Maklumat Pelanggan"** bermaksud (1) Data Peribadi, (2) maklumat sulit (termasuk maklumat mengenai Pelanggan, akaun Pelanggan, transaksi-transaksi dan penggunaan produk dan Perkhidmatan Bank, dan hubungan Pelanggan dengan Kumpulan HSBC) dan/atau (3) Maklumat Cukai sama ada Pelanggan atau Seseorang Yang Berhubungkait.

**"Jenayah Kewangan"** bermaksud penggubahan wang haram, pembiayaan untuk keganasan, sogokan, rasuah, pengelakan cukai, penipuan, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan, dan/atau apa-apa tindakan atau percubaan untuk memintas atau melanggar mana-mana Undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini.

**"Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan"** bermaksud pengesanan, penyiasatan, laporan dan pencegahan Jenayah Kewangan.

**"Kumpulan HSBC"** bermaksud HSBC Holdings plc, syarikat sekutunya, subsidiarinya, entiti bersekutu dan mana-mana cawangan dan pejabat (bersama-sama atau secara individu), dan "ahli(-ahli) Kumpulan HSBC" mempunyai maksud yang sama.

**"Undang-undang"** termasuk mana-mana undang-undang tempatan atau asing, peraturan, penghakiman atau perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, perjanjian di antara mana-mana ahli Kumpulan HSBC dan Pihak Berkuasa, atau perjanjian atau persetiaan di antara Pihak-pihak Berkuasa dan bersesuaian dengan Bank atau ahli dari Kumpulan HSBC.

**"Data Peribadi"** bermaksud apa-apa maklumat berkaitan dengan seseorang individu di mana individu tersebut boleh dikenalpasti termasuklah apa-apa luahan pandangan mengenai individu tersebut.

**"Perkhidmatan"** termasuk kemudahan-kemudahan pembiayaan dan perbankan, dan perkhidmatan perbankan yang lain.

**"pemilik besar"** bermaksud mana-mana individu yang berhak kepada lebih 10% keuntungan atau dengan faedah melebihi 10% di dalam sesebuah entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

**"Pihak Berkuasa Cukai"** bermaksud cukai tempatan atau asing, pihak berkuasa hasil atau hasil atau kewangan.

**"Borang Pengesahan Cukai"** bermaksud apa-apa borang atau dokumen lain yang mungkin dikeluarkan atau dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Cukai atau Bank dari semasa ke semasa untuk mengesahkan status cukai Pelanggan atau Seseorang yang Berhubungkait.

**"Maklumat Cukai"** bermaksud dokumen atau maklumat mengenai status cukai Pelanggan dan status cukai mana-mana pemilik, "orang yang mengawal", "pemilik besar", atau pemilik benefisial Pelanggan, bahawa Bank menyifatkan, bertindak secara munasabah, adalah perlu dipatuhi (atau menunjukkan pematuhan, atau menghindar ketidakpatuhan) dengan mana-mana obligasi ahli dari Kumpulan HSBC kepada mana-mana Pihak Berkuasa Cukai. "Maklumat Cukai" termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat mengenai: kediaman cukai dan/atau tempat organisasi (jika berkenaan), domisil cukai, pengenalan cukai, e- Borang Pengesahan Cukai, Data Peribadi tertentu (termasuklah nama(-nama), alamat (- alamat) kediaman, umur, tarikh lahir, tempat lahir, kewarganegaraan).

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik

**(Oktober 2020)**

*untuk HSBC Amanah Premier dan HSBC Amanah Advance*

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini (tidak terpakai kepada kad-kad kredit-i) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik dan Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi untuk akaun/produk/perkhidmatan yang relevan yang dibuka dengan atau diberikan oleh HSBC Amanah.

* Kesemua produk deposit di bawah adalah dilindungi oleh PIDM: setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

## 1. Akaun-i Premier dan Akaun-i Advance

Akaun-akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Pelanggan perlu memenuhi kriteria kelayakan minimum untuk akaun, yang boleh didapati di www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/premier bagi HSBC Amanah Premier dan www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/amanah-advance bagi HSBC Amanah Advance, seperti yang ditetapkan oleh Bank, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa (“Kriteria Kelayakan”), jika tidak yuran akaun bulanan, yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj Bank yang boleh didapati di laman web Bank akan dikenakan.

c. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

d. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank kepada mana-mana biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaun tersebut jika Pelanggan telah dilaporkan sedemikian.

e. Pelanggan bersetuju untuk tidak:
   - menulis apa-apa notasi pada muka depan cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Pelanggan;
   - membuat apa-apa perubahan pada cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut disahkan dengan tandatangan penandatangan yang diberikuasa; dan
   - mengisukan cek-cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun sebaliknya penalti akan dikenakan ke atas cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi pada kadar yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di https://www.hsbcamanah.com.my/content/dam/hsbc/hbms/documents/tariffs-and-charges.pdf akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

f. (i) Pelanggan bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan buku cek disimpan dengan selamat (sebaik-baiknya dikunci) dan adalah di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

   (ii) Pelanggan bersetuju untuk tidak menulis cek-cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut untuk diubah dengan atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga seperti, tetapi tidak terhad kepada:
   - menggunakan hanya dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrumen lain yang boleh dipadamkan);
   - tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
   - tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
   - memusnahkan cek-cek yang rosak dengan sepenuhnya;

g. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dipersembahkan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:

- perkataan “stop payment” akan disetemkan pada cek tersebut;
- pengemukaan semula cek tersebut tidak dibenarkan; dan
- fi-fi pengendalian dan caj-caj penalti (jika akaun tersebut tidak mempunyai dana-dana yang tidak mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

h. Pelanggan bersetuju untuk menyemak atas penerimaan, bahawa:

- Pelanggan telah menerima jumlah buku cek yang betul;
- setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat cek yang betul;
- butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
- akan membaca dan menjalankan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut;

dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

## 2. Akaun-i Advance Link

Untuk dihubungkan dengan Akaun-i Advance

(Nota: Produk ini telah diberhentikan. Terma-terma di sini terpakai untuk pemegang akaun yang sedia ada sahaja)

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Untuk membuka Akaun-i Advance Link, Pelanggan tersebut perlu mempunyai:

- satu Akaun-i Advance; dan
- Perbankan Internet yang didaftarkan dan diaktifkan.

Tiada kad ATM atau buku cek akan diisukan. Maksimum sebanyak 10 Akaun-i Advance Link boleh ditubuhkan untuk setiap Akaun-i Advance.

b. Pelanggan mendepositkan dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan-pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

c. Pelanggan boleh memperibadikan Akaun-i Advance Link tersebut dengan satu nama yang mengandungi tidak melebihi dua puluh lapan (28) karekter yang akan wujud pada Perbankan Internet tersebut untuk rujukan Pelanggan sahaja. Pelanggan bersetuju bahawa Akaun-i Advance Link tersebut tidak ditubuhkan sebagai akaun amanah dan Bank tidak akan bertanggunjawab untuk mengawasi Akaun-I Advance Link digunakan untuk tujuan yang diniatkan (jika ia dicerminkan dalam nama akaun) dan Pelanggan memegang bahawa Bank tidak termasuk dalam apa- apa tuntutan dan akan membayar gantirugi kepada Bank untuk apa-apa kerugian dan kerosakan yang timbul daripada tuntutan tersebut.

d. Melalui Perbankan Internet, Pelanggan mesti:

- memilih satu tempoh masa dari 6 sehingga 120 bulan untuk Akaun-i Advance Link tersebut (“Tempoh Yang Dipilih”); dan
- menubuhkan satu Arahan Tetap (“AT”) yang memberikuasa kepada Bank untuk memindahkan satu jumlah yang tetap dari Akaun-i Advance ke Akaun-i Advance Link pada satu tarikh yang spesifik setiap bulan sepanjang tempoh tersebut.

Pelanggan hanya diperlukan untuk menubuhkan satu AT untuk setiap Akaun-i Advance Link.

e. Pelanggan boleh pada bila-bila masa melalui Perbankan Internet:

- mengubah amaun AT, dengan syarat AT minimum adalah RM50;
- mengubah Tempoh Yang Dipilih;
- memindah atau mendepositkan apa-apa amaun tambahan ke dalam Akaun-i Advance Link; atau
- memindahkan atau mengeluarkan apa-apa amaun ke dalam Akaun-i Advance, dengan syarat bahawa terdapat baki minimum sebanyak RM20 dalam Akaun-i Advance Link tersebut selepas pemindahan/pengeluaran tersebut.

f. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

g. Pelanggan tidak boleh mengeluarkan wang dari Akaun-i Advance Link secara langsung tetapi dengan

memindahkan amaun yang diperlukan tersebut ke Akaun-i Advance melalui Perbankan Internet dan kemudiannya mengeluarkan dari Akaun-i Advance tersebut, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syaratnya.

h. Baki kredit dalam Akaun-i Advance Link bukan ditujukan untuk pembayaran cek-cek yang diisukan di bawah Akaun-i Advance yang dihubungkan tersebut.

i. Pelanggan bersetuju bahawa Bank akan melaksanakan AT setiap bulan. Jika Bank tidak boleh melaksanakan AT disebabkan Akaun-i Advance tersebut tidak mempunyai dana-dana yang mencukupi, tiada sumbangan akan disumbangkan kepada Akaun-i Advance Link tersebut.

j. Jika Bank tidak dapat melaksanakan AT untuk tiga (3) bulan berturut-turut, Akaun-i Advance Link tersebut akan ditutup pada hari sebelum AT seterusnya akan dilaksanakan melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun-i Advance yang dihubung tersebut. Atas penutupan Akaun-i Advance Link tersebut, baki di dalam Akaun-i Advance Link menolak apa-apa fi yang terpakai hendaklah dipindahkan ke dalam Akaun-i Amanah Advance tersebut.

k. Pelanggan bersetuju bahawa satu Fi Penutupan Akaun Pramatang seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my akan ditolak daripada Akaun-i Advance Link tersebut jika ianya telah ditutup secara pramatang sebelum peluputan Tempoh Yang Dipilih tersebut disebabkan:

(i) Ketidak-upayaan Bank untuk melaksanakan AT tersebut dalam masa 3 bulan dari tarikh pembukaan akaun menurut perenggan (c) di atas; atau

(ii) Pelanggan gagal untuk menubuhkan satu AT dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan Akaun-i Advance Link tersebut; atau

(iii) Pelanggan menutup Akaun-i Advance Link tersebut sebelum peluputan Tempoh Yang Dipilih tersebut.

Jika terdapatnya ketidak-cukupan dana-dana di dalam Akaun-i Advance Link tersebut, Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menolak Fi Penutupan Akaun Pramatang dari Akaun-i Advance yang dihubungkan tersebut atau mana-mana baki kredit yang dipegang oleh Bank.

l. Pada akhir Tempoh Yang Dipilih tersebut:

- Akaun-i Advance Link tersebut akan ditutup secara otomotik; dan
- baki kredit ditolak apa-apa fi akan dipindahkan ke dalam Akaun-i Advance yang dihubungkan tersebut.

## 3. Akaun-i Premier Junior Savers

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Akaun-i Premier Junior Savers ("Akaun-i Junior Savers) merupakan suatu akaun simpanan eksklusif bagi anak-anak Pelanggan Premier yang dibawah umur 18 tahun di mana:
   a. Pelanggan Premier ("Ibu Bapa") mengekallkan kriteria kelayakan Premier minimum ("Kriteria Kelayakan"); dan
   b. Deposit permulaan minimum seperti yang ditetapkan oleh Bank dikekalkan dalam Akaun-i Junior Savers.

b. Kriteria Kelayakan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa dan boleh dilihat di www.hsbcamanah.com.my. Bank berhak untuk menutup Akaun-i Junior Savers jika Ibu Bapa gagal mengekalkan Kriteria Kelayakan.

c. Akaun-i Junior Savers merupakan akaun yang dipegang atas amanah oleh Ibu Bapa bagi manfaat anak-anak yang dicalonkan oleh Ibu Bapa ("Anak").

d. Deposit Ibu Bapa dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberi kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk pelaburan-pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit tersebut kepada Ibu Bapa atas permintaan.

e. Seseorang Ibu Bapa boleh membuka beberapa Akaun-i Junior Savers tetapi Akaun-i Junior Savers tersebut hanya boleh dibuka untuk satu (1) Anak bagi setiap Ibu Bapa untuk setiap akaun.

f. Akaun-i Junior Savers bukan akaun bersama walaupun Bank akan mengekalkan rekod bagi kedua-dua Ibu Bapa dan Anak. Akaun-i Junior Savers haruslah dikendalikan oleh Ibu Bapa, dan Bank haruslah bertindak atas arahan-arahan Ibu Bapa berkaitan dengan operasi akaun dan tidak harus menerima arahan-arahan daripada Kanak-kanak tersebut (melainkan bagi had ATM dan POS seperti yang dinyatakan di bawah).

g. Ibu Bapa boleh menutup Akaun-i Junior Savers tanpa kehadiran Anak sebelum Anak tersebut mencapai umur 18 tahun. Apabila Anak tersebut mencapai umur 18 tahun, Ibu Bapa dan Anak dikehendaki untuk menutup and mengeluarkan semua dana dalam Akaun-i Junior Savers secara sendiri. Kemudian, Anak

tersebut boleh memilih untuk membuka suatu Akaun-i Premier yang baru dengan Bank dalam namanya secara tunggal atau dalam nama bersama dengan Ibu Bapa dengan syarat bahawa Kriteria Kelayakan dipenuhi.

h. Apabila Anak tersebut mencapai umur 12 tahun, Ibu Bapa boleh memohon kad debit-i untuk penggunaan Anak dan dikeluarkan dalam nama Anak.

i. Ibu Bapa bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memantau bahawa Akaun-i Junior Savers adalah digunakan untuk tujuannya yang diniatkan oleh Ibu Bapa dan/atau Anak dan Ibu Bapa bersetuju bahwa Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa tuntutan dan haruslah menanggung apa-apa kerugian atau kerosakan Bank yang ditimbulkan daripada mana-mana tuntutan tersebut kecuali di mana kerugian dan kerosakan adalah secara langsung berpunca daripada kecuaian atau kegagalan Bank.

j. Sekiranya Akaun-i Premier Ibu Bapa ditutup untuk apa jua sebab, Akaun-i Junior Savers juga akan ditutup dan baki dalam Akaun-i Junior Savers tolak apa-apa fi akan dikembalikan kepada Ibu Bapa sebagai pemegang amanah.

k. Ibu Bapa bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat dalam Akaun-i Junior Savers kepada Anak.

l. Penyata komposit bagi Akaun-i Junior Savers akan dikeluarkan kepada Ibu Bapa dan satu penyata tersendiri akan dikeluarkan kepada Anak pada sela masa yang dipilih oleh Ibu Bapa apabila diminta oleh Ibu Bapa.

m. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

n. Jika Akaun-i Junior Savers masih belum ditutup apabila Anak telah mencapai umur 24 tahun, Bank berhak untuk menutup Akaun-i Junior Savers. Dalam keadaan sedemikian, wang akan dipindahkan ke Akaun/-i Premier Ibu Bapa yang aktif dikendalikan dengan Bank dan jika tidak ada akaun aktif sedemikian, wang akan dihantar kepada Ibu Bapa sebagai pemegang amanah.

o. Sekiranya berlaku kematian Ibu Bapa atau Anak, Bank haruslah dimaklumkan dengan serta merta. Bank harus menutup Akaun tersebut atas kematian sedemikian.

   (i) Sekiranya berlaku kematian Anak, dana dalam Akaun akan dibayar kepada atau kepada perintah Ibu Bapa.
   (ii) Sekiranya berlaku kematian Ibu Bapa, dama dalam Akaun akan dibayar seperti berikut:
      - di mana Anak telah mencapai umur majoriti (umur 18 tahun), kepada Anak atau mana-mana wakil Anak yang diberi kuasa;
      - di mana Anak belum mencapai umur majoriti (di bawah umur 18 tahun), kepada penjaga Anak yang sah di sisi undang-undang.

p. Bank adalah berhak untuk menahan pembayaran dana dalam Akaun tanpa liabiliti untuk memberi Hibah selepas penutupan akaun.

## 4. Perkhidmatan HSBC Amanah Premier

a. Perkhidmatan HSBC Amanah Premier

Perkhidmatan HSBC Amanah Premier ("Perkhidmatan Premier") adalah ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan-pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan untuk HSBC Amanah Premier.
Deskripsi Perkhidmatan Premier boleh:

- didapati di dalam e-Pek Aluan HSBC Amanah Premier; dan
- dilihat di www.hsbcamanah.com.my; dan
- akan menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik di sini.

b. Kemudahan Perlindungan Cek

   (i) Kemudahan Perlindungan Cek (melalui pengisuan cek sehingga RM500):
      - adalah satu lebihan semalaman yang dibenarkan oleh Bank;
      - perlu diregulasikan pada hujung hari perbankan yang seterusnyua;
      - adalah tertakluk kepada hak lazim dan mengatasi Bank untuk pembayaran atas tuntutan; dan
      - boleh ditarik balik pada budibicara mutlak Bank termasuk jika pengendalian akaun adalah tidak memuaskan termasuk pengembalian cek-cek atau kegagalan untuk meregulasikan kelebihan seperti yang dinyatakan di atas.

   (ii) Pelanggan dengan itu memegang Bank bebas daripada semua liabiliti dan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tindakan, prosiding undang-undang, tuntutan dan/atau permintaan, kos, kerugian dan perbelanjaan yang mungkin timbul berkenaan dengan

pengeluaran tersebut.

c. Penyata-penyata Akaun

Satu penyata akaun bulanan yang bergabung akan diisukan kepada Pelanggan dan:

- dihantar dalam bentuk salinan cetak; atau
- disediakan dalam format elektronik untuk dimuat turun; dan
- akan terdiri daripada maklumat tentang akaun-akaun yang dipegang di bawah nama Pelanggan dengan Bank atau produk-produk/perkhidmatan-perkhidmatan/pelaburan-pelaburan pihak ketiga yang dipromosikan oleh Bank.

d. Penetapan semula dan lain-lain bagi HSBC Amanah Premier

(i) Bank boleh, atas budi bicaranya, memperuntukkan, mengubah, menarik balik, menetapkan semula, menukarkan, ("penetapan semula/ menetapkan semula") mana-mana atau semua Akaun-i HSBC Amanah Premier, jika Kriteria Kelayakan tidak dipenuhi, atau atas sebarang sebab lain yang Bank secara suci hati mendapati munasabah. Dengan mengekalkan satu atau lebih daripada perkhidmatan tersebut, Pelanggan akan terus tertakluk di bawah Terma dan Syarat yang berkenaan.

(ii) Jika Pelanggan gagal memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi Akaun-i HSBC Amanah Premier untuk tempoh 12 bulan berturut-turut, Bank mempunyai budi bicara untuk menurunkan taraf Akaun-i HSBC Amanah Premier kepada mana-mana akaun lain secara automatik ("pertukaran automatik/tukaran automatik").

(iii) Jika Bank menggunakan budi bicaranya untuk melaksanakan penetapan semula/tukaran automatik, Bank hendaklah memberikan notis munasabah terdahulu kepada Pelanggan sebelum Bank melaraskan dan/atau mengubah ciri-ciri yang kini dinikmati oleh Pelanggan. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan penetapan semula/penukaran automatik, Pelanggan akan diberi jangkamasa yang munasabah untuk menamatkan akaun terjejas.

(iv) Berikutan penetapan semula/pertukaran automatik, peruntukan Terma dan Syarat Khusus ini dan juga terma dan syarat lain yang dikenakan ke atas penggunaan mana-mana kemudahan yang ditamatkan akan terus mengikat Pelanggan sehingga semua tanggungan dan liabiliti yang belum dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank berhubung dengan kemudahan tersebut telah dibayar dan dijelaskan sepenuhnya. Semua peruntukan yang berkenaan bagi Terma dan Syarat Khusus ini dan terma dan syarat lain yang dikenakan ke atas penggunaan kemudahan/akaun baharu atau tambahan yang dinikmati oleh pelanggan disebabkan oleh perubahan hendaklah serta-merta mengikat Pelanggan.

(v) Kad Debit-i Premier dan/atau Kad Kredit-i Premier World MasterCard® yang hanya boleh dipegang bersama Akaun-i HSBC Amanah Premier tidak lagi berfungsi dan akan dibatalkan/ditamatkan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis penetapan semula/pertukaran automatik oleh Bank kepada Pelanggan. Kad Debit-i Premier dan/atau Kad Kredit-i Premier World MasterCard® mesti dimusnahkan oleh Pelanggan dan jumlah tertunggak perlu dibayar serta-merta dan dalam jumlah penuh kepada Bank pada tarikh penetapan semula/pertukaran automatik.

(vi) Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung atau kesulitan kepada Pelanggan akibat sebarang penetapan semula/pertukaran automatik dan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang kerugian yang ditanggung oleh atau kesulitan kepada Pelanggan disebabkan oleh pemberian, penamatan, pembatalan atau pelarasan mana-mana kemudahan yang berkaitan dengannya.

(vii) Untuk mengelakkan kekeliruan, sekiranya Pelanggan memohon untuk menutup/menetapkan semula Akaun-i HSBC Premier miliknya, Kad Debit-i Premier dan/atau Kad Kredit-i Premier World MasterCard® akan ditamatkan dengan serta-merta, dan mana-mana Kad Debit-i/ Kad Kredit-i yang dikeluarkan kepada Akaun-i HSBC Amanah Premier mesti dimusnahkan oleh Pelanggan dan sebarang baki tertunggak perlu dibayar serta-merta dan secara sepenuhnya kepada Bank pada tarikh penutupan/penetapan semula akaun. Pelanggan terus menanggung liabiliti terhadap Bank bagi sebarang transaksi berulang yang dibilkan kepada akaun-i, Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i nya yang timbul daripada arahan tetap/perjanjian pembayaran sedia ada walaupun setelah kemudahan ditamatkan. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya dan wajib membatalkan atau memindahkan arahan tetap/perjanjian pembayaran kepada satu lagi kaedah pembayaran sebelum Pelanggan memohon untuk menutup/menetapkan semula Akaun-i Amanah Premier miliknya.

e. Kemudahan-kemudahan Premier

Pembekalan kemudahan-kemudahan, internet dan bilik mesyuarat ("**Kemudahan- kemudahan tersebut**") di cawangan terpilih Bank dan HSBC Bank Malaysia Berhad ("**HSBC**") adalah untuk keselesaan Pelanggan. Bank dan/atau HSBC tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan secara langsung atau tidak langsung kepada:

(i) apa-apa penangguhan, kesilapan atau kegagalan fungsi dalam transmisi atau penerimaan mesej yang dihantar melalui kemudahan-kemudahan faksimili atau internet; atau

(ii) apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang dialami oleh Pelanggan semasa kegunaan Kemudahan-kemudahan tersebut oleh Pelanggan; atau

(iii) apa-apa tindakan/peninggalan Pelanggan semasa menggunakan Kemudahan-kemudahan tersebut, memandangkan mereka tidak mewakili pengindorsan Bank atau HSBC ke atas tindakan-tindakan/ peninggalan-peninggalan tersebut oleh Pelanggan.

f. Perkhidmatan-Perkhidmatan Penunaian Kecemasan Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:

- Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan akaun(-akaun) Pelanggan dengan satu jumlah yang bersamaan dengan apa-apa jumlah yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Penunaian Kecemasan; dan
- jika ini menyebabkan akaun(-akaun) Pelanggan menjadi melebihi had, satu caj perkhidmatan minima yang tetap yang tidak dikompaunkan akan dibayar atas tuntutan.

g. Perkhidmatan-Perkhidmatan Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World MasterCard disokong oleh MasterCard International Incorporated

(i) MasterCard International Incorporated ("MasterCard"), agen-agennya dan pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh MasterCard atau selainnya yang juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kad kredit kepada pemegang-pemegang kad kredit HSBC Premier/HSBC Amanah Premier ("Pemegang Kad").

(ii) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank:

- tidak akan bertanggungan untuk apa-apa tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti dalam apa-apa sifat jua yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan MasterCard atau agen-agennya atau pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga; dan
- tidak memberi apa-apa waranti mengenai pembekalan perkhidmatan oleh Pusat Bantuan Perkhidmatan Global (Global Service Assistance Centre) atau pembekal-pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga.

(iii) Pemegang Kad juga bersetuju bahawa Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas segala caj yang terlibat dalam pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan oleh MasterCard, agen-agennya dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga termasuk doktor-doktor, hospital-hospital, klinik-klinik, peguam-peguam, broker-broker tiket, kedai-kedai mewah dan entiti-entiti lain yang memberikan bantuan-bantuan, barang-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan menurut rujukan oleh MasterCard atau agen-agen kepada Pemegang Kad.

(iv) Perkhidamatan-perkhidmatan ini atau sebahagian daripadanya boleh diubah, digantung atau ditarik balik oleh MasterCard dari semasa ke semasa. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua untuk apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul disebabkan oleh perubahan, penggantungan atau penarikan balik kesemua atau sebahagian daripada perkhidmatan- perkhidmatan yang diberikan.

## 5. Perkhidmatan HSBC Amanah Advance

a. Perkhidmatan HSBC Amanah Advance

Perkhidmatan HSBC Amanah Advance ("Perkhidmatan Advance") adalah ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan-pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan HSBC Amanah Advance. Deskripsi Perkhidmatan Advance boleh:

- didapati di dalam e-Pek Aluan HSBC Amanah Advance; dan
- dilihat di www.hsbcamanah.com.my; dan
- akan menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik di sini.

b. Kemudahan Perlindungan Cek

(i) Kemudahan Perlindungan Cek (melalui pengisuan cek sehingga RM200):

- adalah satu lebihan semalaman yang dibenarkan oleh Bank;
- perlu diregulasikan pada hujung hari perbankan yang seterusnyua;
- adalah tertakluk kepada hak lazim dan mengatasi Bank untuk pembayaran atas tuntutan; dan
- boleh ditarik balik pada budibicara mutlak Bank termasuk jika pengendalian akaun adalah tidak memuaskan termasuk pengembalian cek-cek atau kegagalan untuk meregulasikan kelebihan seperti yang dinyatakan di atas.

(ii) Pelanggan dengan itu memegang Bank bebas daripada semua liabiliti dan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tindakan, prosiding undang-undang, tuntutan

dan/atau permintaan, kos, kerugian dan perbelanjaan yang mungkin timbul berkenaan dengan pengeluaran tersebut.

c. Penyata Akaun

Satu penyata akaun bulanan yang bergabung akan:

- disediakan dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik untuk dimuat turun (“Penyata-E”) untuk Pelanggan; dan
- terdiri daripada maklumat ke atas akaun-akaun yang dipegang di bawah nama Pelanggan dengan Bank atau produk-produk/perkhidmatan-perkhidmatan/pelaburan-pelaburan Bank atau pihak ketiga yang dipromosikan oleh Bank.
- Penyata-E ini boleh mungkin kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

d. Perubahan semula, dan lain-lain bagi HSBC Amanah Advance

(i) Bank boleh, atas budi bicara, memperuntukkan, mengubah, menarik balik, menetapkan semula, menukarkan, (“penetapan semula/ menetapkan semula”) mana-mana atau semua Akaun-i HSBC Amanah Advance, jika Kriteria Kelayakan tidak dipenuhi, atau atas sebarang sebab lain, Bank secara suci hati mendapati munasabah. Dengan mengekalkan satu atau lebih daripada perkhidmatan tersebut, Pelanggan akan terus tertakluk di bawah Terma dan Syarat yang berkenaan.

(ii) Jika Pelanggan gagal memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi Akaun-i HSBC Amanah Advance untuk tempoh 12 bulan berturut-turut, Bank mempunyai budi bicara untuk menurunkan taraf Akaun-i HSBC Amanah Advance kepada mana-mana akaun lain secara automatik (“pertukaran automatik/tukaran automatik”).

(iii) Jika Bank menggunakan budi bicaranya untuk menetapkan semula/tukaran automatik, Bank hendaklah memberikan notis munasabah terdahulu kepada Pelanggan sebelum Bank melaraskan dan/atau mengubah semua kemudahan yang kini dinikmati oleh Pelanggan. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan penetapan semula/penukaran automatik, Pelanggan akan diberi jangkamasa yang munasabah untuk menamatkan akaun yang terlibat.

(iv) Selepas penetapan semula/pertukaran automatik, peruntukan Terma dan Syarat Khusus ini dan juga terma dan syarat lain yang dikenakan ke atas penggunaan mana-mana kemudahan yang ditamatkan akan terus mengikat Pelanggan sehingga semua tanggungan dan liabiliti yang belum dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank berhubung dengan kemudahan tersebut telah dibayar dan dijelaskan sepenuhnya. Semua peruntukan yang berkenaan bagi Terma dan Syarat Khusus ini dan terma dan syarat lain yang dikenakan ke atas penggunaan kemudahan/akaun baharu atau tambahan yang dinikmati oleh pelanggan disebabkan oleh perubahan hendaklah serta-merta mengikat Pelanggan.

(v) Kad Debit-i Advance dan/atau Kad Kredit-i Amanah Mpower Platinum yang hanya boleh dipegang bersama Akaun-i HSBC Advance tidak lagi berfungsi dan akan dibatalkan/ditamatkan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis penetapan semula/pertukaran automatik oleh Bank kepada Pelanggan. Kad Debit-i Advance dan/atau Kad Kredit-i Amanah Mpower Platinum mesti dimusnahkan oleh Pelanggan dan jumlah tertunggak perlu dibayar serta-merta dan dalam jumlah penuh kepada bank pada tarikh penetapan semula/pertukaran automatik.

(vi) Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung atau kesulitan kepada Pelanggan akibat sebarang penetapan semula/pertukaran automatik dan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang kerugian yang ditanggung oleh atau kesulitan kepada Pelanggan disebabkan oleh pemberian, penamatan, pembatalan atau pelarasan mana-mana kemudahan yang berkaitan dengannya.

(vii) Untuk mengelakkan kekeliruan, sekiranya Pelanggan memohon untuk menutup/menetapkan semula Akaun-i HSBC Advance miliknya, Kad Debit-i Advance dan/atau Kad Kredit-i Amanah Mpower Platinum akan ditamatkan dengan serta-merta, mesti dimusnahkan oleh Pelanggan dan sebarang baki tertunggak perlu dibayar serta-merta dan secara sepenuhnya kepada Bank pada tarikh penutupan/penetapan semula akaun. Pelanggan terus menanggung liabiliti terhadap Bank bagi sebarang transaksi berulang yang dibil kepada akaun-i, Kad Debit-i dan/atau Kad Kredit-i yang timbul daripada arahan tetap/perjanjian pembayaran sedia ada walaupun setelah kemudahan ditamatkan. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya dan wajib membatalkan atau memindahkan arahan tetap/perjanjian pembayaran kepada satu lagi kaedah pembayaran sebelum Pelanggan memohon untuk menutup/menetapkan semula Akaun-i Amanah Advance miliknya.

e. Perkhidmatan Penunaian Kecemasan Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:

- Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan akaun(-akaun) Pelanggan dengan satu jumlah yang

bersamaan dengan apa-apa jumlah yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Penunaian Kecemasan tersebut;

- jika ini menyebabkan akaun(-akaun) Pelanggan melebihi had, satu caj perkhidmatan minima yang tetap yang tidak dikompaunkan akan kena dibayar atas tuntutan.

# Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik

## (Oktober 2020)
## untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

Terma-terma & Syarat-syarat berikut (tidak terpakai kepada kad kredit-i) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik.

* Kesemua produk deposit di bawah adalah dilindungi oleh PIDM: setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

### 1. Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan

**[Nota: Produk ini telah diberhentikan. Terma-terma di sini terpakai kepada pemegang-pemegang akaun yang sedia ada sahaja]**

*[Akaun-i Amanah Simpanan Buku-Simpanan: Layak dilindungi oleh PIDM]*

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan-pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan apabila diminta.

b. Kesemua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam buku-buku simpanan tersebut akan menjadi sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat- syarat Spesifik ini.

c. Satu deposit permulaan minima yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan akan diberikan satu buku akaun yang mesti dikemukakan untuk pengeluaran di kaunter dan Pelanggan mesti menyemak bahawa kemasukan yang betul telah direkodkan dalam buku akaun tersebut sebelum meninggalkan kaunter.

   Pelanggan tidak boleh membuat apa-apa kemasukan dalam buku akaun dan hendaklah mengemukakan buku akaun tersebut kepada Bank bila diperlukan oleh Bank untuk mengemaskini apa-apa kemasukan yang tidak diposkan.

   Pelanggan bersetuju untuk menyemak buku akaun tersebut untuk memastikan bahawa setiap transaksi telah direkodkan dengan sempurna di dalam buku akaun tersebut.

f. Buku akaun tersebut:

- adalah untuk rujukan Pelanggan sahaja;
- tidak semestinya menunjukkan baki yang sebenar dalam akaun tersebut kerana transaksi-transaksi mungkin telah dibuat tanpa kemasukan dalam buku akaun tersebut;
- tidak boleh dipindah atau diserahhak; dan
- tidak boleh disandar sebagai cagaran.

g. Pelanggan bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menyimpan buku simpanan dengan selamat dan di bawah kawalan mutlaknya pada setiap masa, dan jika Pelanggan gagal untuk berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

Jika buku simpanan tersebut hilang, Pelanggan mesti:

- memaklumkan Bank dengan serta merta; dan
- memberikan Bank satu surat indemniti yang telah ditandatangani dalam format yang diperuntukkan oleh Bank (duti setem akan ditanggung oleh Pelanggan);

sebelum satu buku simpanan baru diisu dan Pelanggan bersetuju bahawa satu fi untuk pengisuan buku akaun yang baru seperti yang dinyatakan di Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank akan dikenakan.

h. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank akan dikenakan.

i. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan dikeluarkan kepada Pelanggan atas dasar setiap suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

## 2. Akaun-i Amanah Penyata Simpanan

**[Nota: Produk ini telah diberhentikan. Terma-terma di sini terpakai kepada pemegang akaun yang sedia ada sahaja]**

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan-pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

c. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan dikeluarkan kepada Pelanggan atas dasar setiap suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank akan dikenakan.

## 3. Akaun-i Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior ("Akaun") merupakan satu akaun yang dipegang sebagai amanah oleh Ibubapa ("Ibubapa") untuk manfaat Anak ("Anak"), mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan-pelaburan atau transaksi-transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Ibubapa atas permintaan.

b. Akaun hanya boleh dibuka untuk satu (1) Anak bagi setiap Ibubapa bagi setiap akaun. Walaubagaimanapun, Ibubapa boleh membuka Akaun-i Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior berganda dengan anak-anak yang lain.

c. Anak hendaklah berumur di bawah 18 tahun.

d. Akaun tersebut bukanlah akaun bersama walaupun Bank akan mengekalkan rekod bagi kedua-dua Ibubapa dan Anak.

e. Deposit permulaan minima sebanyak RM1.00 adalah diperuntukkan.

f. Pengeluaran daripada Akaun dihadkan kepada satu (1) pengeluaran bagi setiap bulan kalendar. Had pengeluaran ini termasuk pengeluaran-pengeluaran pasaran atas kaunter dan pindahan-pindahan melalui Perbankan Internet.

g. Akaun hendaklah diuruskan oleh Ibubapa, dan Bank hendaklah bertindak atas arahan-arahan oleh Ibubapa yang berkaitan dengan Akaun (termasuklah, tanpa had, arahan-arahan untuk pengeluaran atau pembayaran dari Akaun) dan tidak akan menerima arahan-arahan daripada Anak. Ibubapa boleh menutup Akaun tanpa kehadiran Anak sebelum Anak mencecah umur 18 tahun. Walaubagaimanapun, sekiranya Anak mencecah umur 18 tahun, Ibubapa bersetuju untuk hadir ke Bank bersama dengan Anak untuk menutup Akaun dan membuka akaun baru dengan Bank. Kemudian, Anak tersebut boleh memilih untuk membuka suatu akaun baru dengan Bank dalam namanya secara tunggal atau dalam nama bersama dengan Ibu Bapa dengan syarat bahawa Kriteria Kelayakan dipenuhi.

h. Ibubapa bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat Akaun kepada Anak.

i. Tiada kad ATM, buku simpanan, buku cek atau kemudahan overdraf akan dikeluarkan kepada Akaun. Walaubagaimanapun, atas permintaan, Ibubapa boleh mendaftar untuk perkhidmatan-perkhidmatan Perbankan Internet.

j. Penyata Akaun di dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") hendaklah dikeluarkan dan dihantar kepada Ibubapa pada dasar suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

k. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

## 4. Akaun-i Amanah Simpanan Asas

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksi yang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Penyata akaun akan dijana tetapi tidak akan dihantar kepada Pelanggan-pelanggan. Walaubagaimanapun, atas permintaan, penyata setiap suku tahun atau pada selang masa yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, akan disediakan untuk Pelanggan pada satu fi yang akan ditetapkan oleh Bank atau dihantar kepada Pelanggan dalam bentuk elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank menerusi Perbankan Internet jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

c. Satu amaun minima sebanyak RM20 (atau amaun minima lain yang akan dinyatakan oleh Bank dan/ atau pihak-pihak berkuasa berperaturan yang relevan) adalah dikehendaki untuk mengendalikan akaun tersebut pada semua masa.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yag boleh dilihat di laman web Bank akan dikenakan.

## 5. Akaun-i Amanah Semasa dan Amanah Semasa Asas

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberikan kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksiyang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk mengembalikan deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank ke biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak

untuk menutup akaun tersebut jika Pelanggan dilaporkan tersebut.

c. Pelanggan bersetuju untuk menyemak atas penerimaan, bahawa:
   - Pelanggan telah menerima jumlah buku-buku cek yang betul;
   - setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat-mukasurat cek yang betul;
   - butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
   - akan membaca dan menjalankan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut;
   - dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara ini, Bank tidak akan bertanggungan untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

d. Pelanggan bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan buku cek tersebut disimpan dengan selamat (sebaik-baiknya dikunci) dan di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

   Pelanggan bersetuju untuk tidak menulis cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut untuk diubah atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah berjaga-jaga seperti, dan tidak terhad kepada:
   - menggunakan hanya dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau mana-mana instrumen lain yang boleh dipadamkan);
   - tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
   - tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
   - memusnahkan cek-cek rosak dengan sepenuhnya;
   - Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tiada liabiliti ditanggung oleh Bank.

e. Pelanggan bersetuju untuk:
   i. tidak menulis apa-apa notasi di atas cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa apa-apa tanggungjawab kepada Pelanggan; dan
   ii. tidak membuat apa-apa perubahan atas cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan penandatangan yang diberikuasa.

f. Pelanggan bersetuju untuk tidak mengisukan cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun. Caj-caj penalti untuk cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi sepertimana yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

g. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dipersembahkan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:
   - perkataan "*stop payment*" akan disetemkan pada cek tersebut;
   - pengemukaan semula cek tersebut tidak dibenarkan; dan
   - fi pengendalian dan caj penalti (jika akaun tersebut mempunyai dana-dana yang tidak mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

h. Penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan dikeluarkan kepada Pelanggan pada dasar bulanan atau selang masa lain yang dibenarkan dan ditentukan oleh Bank. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamay e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

i. Pengeluaran melebihi had adalah tidak dibenarkan di bawah akaun. Dalam keadaan pengeluaran melebihi had yang tidak diberikuasa, Bank berhak untuk mendebitkan akaun atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank untuk amaun yang melebihi had.

j. Bank merizabkan haknya untuk enggan membayar atas arahan pengeluaran atau penunaian cek (melalui pengisuan cek kepada pihak ketiga) dari akaun Pelanggan, kepada satu pihak ketiga samada telah diberikuasa atau dikatakan telah diberikuasa oleh Pelanggan di cawangan akaun.

k. Pelanggan bersetuju bahawa fi dan caj yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank di laman web Bank akan dikenakan.

## 6. Deposit Bertempoh-i

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Komoditi Murabahah (Perdagangan Komoditi dengan kos dan keuntungan yang didedahkan).

a. Satu deposit amaun minima dalam Ringgit atau matawang asing sepertimana yang akan ditentukan oleh Bank.

b. Tempoh masa perletakan adalah tertakluk kepada minima 1 bulan dan maksima 60 bulan. Perletakan melalui cek adalah bergantung kepada penunaian cek.

c. Pada perletakan, deposit mesti didebitkan dari akaun simpanan/semasa Pelanggan dan maklumat mengenai deposit akan dimasukkan ke dalam penyata akaun Pelanggan. Pelanggan bersetuju dengan Bank menggunakan mana-mana bahagian deposit yang diletakkan untuk tujuan pelaburan sebelum pelaksanaan Transaksi Komoditi Murabahah.

d. Transaksi Komoditi Murabahah
Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Syariah ("**Transaksi Komoditi Murabahah**") pada Hari Perdagangan berikutnya.

e. Pelanggan bersetuju bahawa Bank hanya akan bertindak sebagai agen Pelanggan untuk Transaksi Komoditi Murabahah tersebut, dan kontrak agen itu akan ditamatkan jika deposit ditarik balik.

f. Bank boleh melaksanakan peranan sebagai agen untuk lebih dari satu Pelanggan dan akan melaksanakan peranan bagi setiap Pelanggan secara bebas

g. Bank sebagai agen Pelanggan akan dengan suci hati, melakukan transaksi-transaksi untuk:
   - membeli komoditi tersebut atas dasar tunai ("**Transaksi Belian**") dari Bursa Suq Al-Sila atau mana- mana pertukaran asset yang diluluskan; dan
   - menjual komoditi tersebut atas dasar bayaran tertangguh kepada Bank ("**Transaksi Jualan**") pada Harga Jualan Murabahah (deposit ditambah keuntungan) di mana keuntungan dikira seperti berikut:

   Keuntungan = Deposit X Kadar X Jumlah hari / 365 atau 366 hari

h. Bank mungkin boleh menjual komoditi itu kepada mana-mana pihak ketiga selepas membeli komoditi dari Pelanggan dalam Transaksi Jualan.

i. "Hari Perdagangan" merujuk kepada sehari selain daripada Sabtu dan Ahad dan di mana Bursa Suq Al-Sila (atau mana-mana pertukaran asset yang digunakan Bank) terbuka untuk perdagangan.

j. Sebarang fi dan kos broker yang terlibat dalam Transaksi Pembelian akan dibayar oleh Bank.

k. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat yang mungkin ditanggung, dialami atau dibelanjakan oleh Bank akibat bertindak sebagai agen Pelanggan dalam Transaksi Komoditi Murabahah atau untuk apa-apa perlanggaran kewajipan Pelanggan kecuali dalam kes-kes di mana berlakunya salah laku, kecuaian atau kemungkiran terma-terma spesifik. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun agensi Bank telah diberhentikan.

l. Bank akan membayar kepada Pelanggan:
   - Bagi deposit kurang daripada 12 bulan dan dan di bawah, deposit dan keuntungan pada tarikh matang deposit tersebut; dan
   - Bagi deposit melebihi 12 bulan, deposit pada tarikh matang dan keuntungan pada selang masa setiap enam bulan sehingga tarikh matang dan jika tempoh terakhir untuk matang adalah kurang daripada 6 bulan, keuntungan adalah berdasarkan jumlah bulan sebenar yang tinggal sehingga ke tarikh matang.

   Bank boleh pada budibicaranya, juga membayar keuntungan pada selang masa bulanan.

m. Slip peletakan hanyalah sebagai rekod transaksi dan tidak diperlukan ketika pengeluaran.

n. Pengeluaran deposit tersebut secara pramatang
Jika Pelanggan mengeluarkan deposit tersebut sebelum tarikh matang, Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah berhak kepada satu rebat yang bersamaan dengan:
   - untuk deposit 3 bulan dan ke bawah: keuntungan dari Harga Jualan Murabahah tersebut; dan
   - untuk deposit melebihi 3 bulan: separuh daripada keuntungan untuk bulan-bulan yang disempurnakan ditambah dengan keuntungan untuk bulan-bulan yang tidak disempurnakan.

   Rebat tersebut akan ditolak daripada Harga Jualan Murabahah tersebut.

o. Bank pada budibicaranya membayar Harga Jualan Murabahah kepada Pelanggan pada tarikh sebelum tarikh matang deposit, yang mana keuntungan akan dibayar mengikut kadar bilangan hari deposit telah diletakkan. Sekiranya tarikh matang deposit bertempoh jatuh pada hari tidak bekerja, deposit dan keuntungan akan dikreditkan ke akaun Pelanggan pada hari bekerja yang berikutnya. Atas budi bicara, Bank boleh memberikan Hibah ke atas atas harga tambahan tersebut.

p. Semua deposit akan diperbaharui secara otomatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang, melainkan arahan daripada Pelanggan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank telah diterima oleh Bank dari Pelanggan sebelumnya. Perenggan (c) sehingga (g) di atas

juga terpakai untuk setiap pembaharuan. Pelanggan mempunyai hak untuk memberi dan/atau mengubah apa-apa arahan hingga pada tarikh matang.

q. Pelanggan bersetuju bahawa pada masa matang atau pengeluaran, deposit dan/atau keuntungan akan dikreditkan ke akaun yang sama dari mana deposit itu berasal.

## Akaun-i Matawang Asing (FCY)

## 7. Akaun-i Matawang Asing

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman) dan Bai' al-Sarf (Pertukaran Matawang).

a. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberi kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksiyang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk menghantar deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

b. Apabila suatu mata wang/pertukaran berlaku dalam akaun, keputusan Bai' al-Sarf terpakai dimana hubungan antara pelanggan dan Bank adalah penjual dan pembeli matawang asing masing-masing.

c. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.

d. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

e. Pelanggan perlu membuka atau mempunyai satu akaun Ringgit dengan Bank/HSBC Bank untuk menukar:

- Ringgit kepada matawang asing yang diperlukan tersebut untuk dikreditkan ke dalam akaun tersebut (dimana apabila akaun Ringgit itu adalah dengan Bank, Bank adalah sebagai penjual dan Pelanggan adalah sebagai pembeli matawang asing tersebut); atau
- matawang asing kepada Ringgit (Bank adalah pembeli dan Pelanggan sebagai penjual matawang asing tersebut);

kerana deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.

f. Bagi pemindahan dana yang memerlukan pertukaran matawang asing daripada Matawang Asing A kepada Matawang Asing B, Bank adalah sebagai pembeli Matawang Asing A dan Pelanggan adalah penjual Matawang Asing A.

g. Kadar tukaran bagi mana-mana pertukaran matawang asing adalah berdasarkan kadar semasa pada waktu tersebut dan sebarang penyelesaian (kecuali bagi keadaan yang di luar kawalan Bank seperti yang dihuraikan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Generik, Fasal 29) akan dilakukan serta-merta.

h. Pelanggan mengakui bahawa operasi akaun tersebut adalah tertakluk kepada peraturan Dasar Pertukaran Asing.

i. Pelanggan bersetuju bahawa jika amaun yang didepositkan melebihi apa-apa had yang ditetapkan oleh peraturan Dasar Pertukaran Asing, Bank boleh mendebitkan akaun tersebut, menukar lebihan wang tersebut kepada Ringgit pada kadar pembelian semasa Bank yang ditetapkan dan mengkreditkan akaun Ringgit dengan Bank Pelanggan.

j. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahhak, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Bank.

k. Bank boleh mengenakan fi dan caj pada budibicaranya seperti yang diperuntukkan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank.

## 8. FCY Deposit Bertempoh-i

Akaun ini adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Komoditi Murabahah (Perdagangan Komoditi dengan kos dan keuntungan yang didedahkan).

a. Transaksi Komoditi Murabahah

Pelanggan akan memasuki transaksi-transaksi belian dan jualan untuk komoditi yang mematuhi Syariah ("**Transaksi Komoditi Murabahah**") untuk meletakkan deposit tersebut.

b. Pelanggan mesti membuka atau mempunyai:

- satu akaun Ringgit untuk menukar Ringgit tersebut ke matawang asing yang dikehendaki untuk

meletakkan deposit tersebut; dan

- satu akaun simpanan/semasa dalam matawang asing yang sama untuk pengeluaran deposit tersebut; kerana deposit/pengeluaran tunai dalam matawang asing tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.

c. Pelanggan mengakui bahawa deposit matawang asing tersebut dalam matawang selain daripada USD, GBP dan EUR:

- Transaksi Pembelian tersebut akan dilakukan selepas penerimaan nilai matawang asing tersebut; dan
- arahan pelupusan bertulis perlu diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang tersebut, jika tidak deposit tersebut akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.

d. Pelanggan bersetuju bahawa:

- keuntungan akan dibayar pada masa deposit tersebut matang; dan
- deposit mungkin tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang tetapi jika telah dikecualikan dan dibenarkan, tiada keuntungan akan dibayar atas deposit tersebut dan Pelanggan tersebut bersetuju bahawa Bank berhak kepada satu rebat yang bersamaan dengan:
  - untuk deposit 3 bulan dan ke bawah: keuntungan dari Harga Jualan Murabahah tersebut; dan
  - untuk deposit melebihi 3 bulan: separuh daripada keuntungan untuk bulan-bulan yang disempurnakan ditambah dengan keuntungan untuk bulan-bulan yang tidak disempurnakan.
- tempoh masa perletakan adalah terhad kepada 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan sahaja; dan
- pada tarikh matang atau pengeluaran, deposit dan/atau keuntungan akan dikreditkan ke akaun simpanan/semasa mata wang asing yang sama dari mana deposit itu berasal

e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahhak, dipindah milik atau digadai samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Bank.

f. Terma-terma & syarat-syarat Deposit-i Terma dalam perenggan (a), (c) sehingga (i) dan (l) sehingga (m) juga terpakai.

## 8. Akaun-i Everyday Global

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah bagi Qard (pinjaman) dan Bai' al-Sarf (Pertukaran Matawang).

a. Akaun-i Everyday Global adalah akaun simpanan pelbagai mata wang yang menawarkan beberapa mata wang asing dan Ringgit Malaysia dalam satu akaun. Ketersediaan mata wang akan dimaklumkan di www.hsbcamanah.com.my. Kad Debit-i Everyday Global bagi pelbagai mata wang akan dikeluarkan untuk Pemegang Akaun-i Everyday Global.

b. Pelanggan mendeposit dengan Bank sebagai pemberi pinjaman dan memberi kebenaran kepada Bank sebagai peminjam untuk menggunakan mana-mana bahagian deposit dalam akaun untuk tujuan pelaburan atau transaksiyang mematuhi Syariah. Pulangan yang dijana daripada penggunaan deposit dimiliki sepenuhnya oleh Bank. Bank mengakujanji untuk menghantar deposit kepada Pelanggan atas permintaan.

c. Apabila suatu mata wang/pertukaran berlaku dalam akaun, keputusan Bai' al-Sarf terpakai dimana hubungan antara pelanggan dan Bank adalah penjual dan pembeli matawang asing masing-masing. Kadar pertukaran untuk mana-mana pertukaran matawang asing adalah berdasarkan kadar semasa Bank pada waktu tersebut

d. Bank boleh mengenakan fi dan caj atas budi bicaranya dan seperti yang ditetapkan dalam Tarif dan Caj Bank yang boleh dilihat di laman web Bank.

e. (i) Deposit / pengeluaran wang tunai dalam Malaysia hanya dibenarkan untuk Ringgit Malaysia;

(ii) Pengeluaran tunai dalam mana-mana mata wang asing hanya dibenarkan di luar Malaysia;

(iii) Deposit tunai dalam mana-mana mata wang asing di dalam atau di luar Malaysia adalah tidak dibenarkan.

f. Tiada buku simpan atau buku cek akan dikeluarkan untuk Akaun-i Everyday Global.

g. Apabila Pelanggan menggunakan Kad Debit-i Everyday Global untuk pengeluaran ATM atau transaksi

pembelian di luar Malaysia, transaksi tersebut akan dicaj dalam mata wang rasmi negara di mana Kad Debit Everyday Global digunakan, dan Bank akan mendebit akaun dengan jumlah transaksi kad debit dalam mata wang yang dilakukan, jika mata wang tersebut dipegang dalam akaun dan di mana terdapat baki kredit yang mencukupi dalam mata wang asing yang dihendakkan dalam akaun tersebut

h. Di mana mata wang tersebut tidak disokong dalam mata wang asing yang dimaksudkan, Pelanggan bersetuju bahawa transaksi itu akan didebitkan ke akaun selepas penukaran kepada Ringgit Malaysia, tertakluk kepada baki kredit yang mencukupi, pada kadar pertukaran yang ditetapkan oleh Visa International (bagi ATM atau terminal yang dioperasikan oleh VISA) atau oleh HSBC (bagi rangkaian ATM Kumpulan HSBC), ditambah caj pentadbiran, pada tarikh penukaran. Yuran Pengendali ATM boleh dikenakan di ATM bukan HSBC.

i. Mana-mana transaksi pengeluaran ATM dan transaksi pembelian melalui kad debit akan ditolak jika terdapat dana yang tidak mencukupi dalam baki kredit Ringgit Malaysia.

j. Pelanggan mengakui bahawa deposit mata wang asing dalam mata wang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR akan menerima nilai 2 hari perbankan selepas tarikh deposit melalui pemindahan.

k. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diberikan, dipindahkan atau dicajkan sama ada melalui endorsmen atau sebaliknya kecuali dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu dari Bank.

l. Apa-apa Hibah yang dikreditkan ke akaun adalah atas budi bicara Bank. Ia tidak boleh ditafsirkan sebagai Hibah indikatif atau menimbulkan apa-apa obligasi di pihak HSBC Amanah untuk menyediakan Hibah pada masa akan datang.

m. Pelanggan mengakui bahawa operasi akaun adalah tertakluk kepada peraturan Dasar Pertukaran Asing yang sedia ada.

n. Pelanggan bersetuju bahawa jika amaun yang didepositkan melebihi had yang ditetapkan oleh peraturan Dasar Pertukaran Asing, Bank boleh mendebitkan akaun tersebut, menukar lebihan itu menjadi Ringgit pada kadar belian spot semasa Bank dan kredit akaun Ringgit Pelanggan dengan Bank.

o. Sekiranya berlaku sebarang pengiriman masuk ke dalam Akaun-i Everyday Global dalam mana-mana mata wang di mana akses belum dibuka, Bank berhak untuk menukar dan meletakkan deposit dalam mata wang Ringgit Malaysia tanpa persetujuan terlebih dahulu oleh Pemegang Akaun.

# Perjanjian Pemegang Kad **(Oktober 2020)**

**Perjanjian Pemegang Kad ini juga boleh didapati di laman web HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah") di http://www.hsbcamanah.com.my/card_TC**

**PENTING! Sila luangkan masa untuk membaca dan memahami Perjanjian Pemegang Kad ini sebelum menggunakan Kad Kredit HSBC Amanah anda kerana Perjanjian Pemegang Kad ini (termasuk lampirannya) adalah mengikat ke atas anda selepas anda menggunakan Kad Kredit-i. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak fahami, sila bincangkan dengan lebih lanjut dengan kakitangan Bank, wakil yang diberi kuasa atau ejen sebelum mengaktifkan dan menggunakan Kad Kredit-i HSBC Amanah anda.**